

# selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 11 - 17 MEI 2023

www.selangorkini.my

# Festival telaah kitab al-Ghazali

MUKA 6



**7TH SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT 2023**

**DAFTAR SEKARANG!**

PERSIDANGAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA SELANGOR 2023

**19-22 OKTOBER 2023**

Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)

[www.selangorsummit.com](http://www.selangorsummit.com)

[f](#) [i](#) [in](#) [t](#) [selangorsummit](#)



Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bersama DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin berkenan mendengar taklimat Pengarah Hospital Serdang Dr Amin Sah Ahmad ketika melihat replika Pusat Jantung Hospital Sultan Idris Shah, Serdang pada 8 Mei 2023. Foto MOHD YUSNI ARIFFIN ► BERITA MUKA 2

Dihoskan oleh  Dianjurkan oleh  Dianjurkan bersama oleh  Diiktiraf oleh 

**DAFTAR SEKARANG!**



**Ekspo Antarabangsa Selangor Makanan dan Minuman (F&B) 2023**

**19-22 OKTOBER 2023**

PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR (KLCC)

[www.selangorsummit.com](http://www.selangorsummit.com)

[f](#) [i](#) [in](#) [t](#) [selangorsummit](#)

Dihoskan oleh  Dianjurkan oleh  Dianjurkan bersama oleh  Diiktiraf oleh  Bersempena dengan 

## Sumbang RM6 juta untuk korban

**AMPANG JAYA** - Kerajaan Negeri mempe-  
runtuk RM6 juta bagi sumbangan ibadah  
korban sempena sambutan Aidiladha pada  
tahun ini.

EXCO pemodenan pertanian berkata  
agihan 1,000 ekor kambing dan 700 ekor  
lembu dibuat kepada wakil rakyat, masjid,  
surau terpilih dan badan bukan kerajaan  
(NGO).

"Peruntukan tahun ini bertambah da-  
ripada tahun lepas (lebih RM5 juta) kerana  
harga lembu naik daripada RM5,400 kepa-  
da RM6,000.

"Jumlah lembu korban bertambah da-  
ripada 660 kepada 700 ekor kali ini. Jum-  
lah kambing kekal 1,000 ekor," kata Ir Izham  
Hashim pada 6 Mei.

Menurut beliau, pihaknya juga dalam  
proses mengagih kupon kepada penerima  
yang layak.

## Program terbesar pascabah, Covid-19

**HULU LANGAT** - Jelajah Kita Selangor  
Aidilfitri antara program terbesar Kera-  
jaan Negeri selepas Selangor berdepan  
pelbagai cabaran termasuk Covid-19 dan  
banjir.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim ber-  
kata program rumah terbuka itu memberi  
peluang rakyat bertemu pemimpin negeri  
selepas Selangor bangkit dan pulih.

Beliau menjelaskan cabaran berkenaan  
dapat diharungi hasil kerjasama semua  
peringkat pentadbiran negeri termasuk  
kakitangan awam dan seluruh lapisan  
masyarakat.

"Kita negeri awal yang beri vaksin se-  
cara percuma dan beri sumbangan kepada  
petugas barisan hadapan. Malah, kita juga  
bantu rakyat tangani masalah pembayaran  
hutang dan agih bakul makanan.

"Tidak lama itu, kita berdepan dengan  
banjir pula sehingga rakyat tertekan. Biar-  
pun ada beberapa kelemahan, kita bang-  
kit dan beri bantuan kepada mangsa banjir  
RM1,000," katanya di sini pada 5 Mei.

**IMBAS DI SINI**  
akhbar digital minggu lepas



# Jenama semula Hospital Serdang

**SUBANG JAYA** - Duli Yang Maha Mulia  
(DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafud-  
din Idris Shah Alhaj berkenan merasmikan  
Hospital Sultan Idris Shah yang dijenama  
semula daripada Hospital Serdang.

Keberangkatan tiba Baginda dan  
DYMM Tengku Permaisuri Selangor  
Tengku Permaisuri Norashikin disambut  
Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa dan  
EXCO Kesihatan Awam Dr Siti Mariah  
Mahmud.

Baginda berdua turut berkenan me-

luangkan masa kira-kira sejam melawat  
galeri kapsul masa, unit radiologi jan-  
tung dan makmal non-invasif kardiolo-  
gi di pusat jantung hospital berkenaan.

Dr Zaliha berkata hospital yang mem-  
ulakan perkhidmatan pertama dengan  
kepakaran nefrologi kini memiliki 22  
kepakaran klinikal termasuk kardiologi.

Beliau berkata hospital pakar major  
seluas 45 ekar dengan kos binaan le-  
bih RM771 juta itu juga menjadi pusat  
rujukan rawatan jantung termasuk kes

kompleks bagi seluruh negara.

"Perkhidmatan jantung hospital ini  
paling sibuk dengan beban kerja ter-  
tinggi antara semua kemudahan perkh-  
idmatan jantung di Kementerian Kesih-  
hatan dan mengendalikan lebih 40,000  
pesakit luar setahun.

"Pengisian jawatan dan alatan secara  
berfasa bakal menjadikan perkhidmatan  
jantung di hospital ini antara terbaik da-  
lam negara dan Asia Tenggara apabila  
beroperasi penuh," katanya pada 8 Mei.

## Jaga kesihatan rakyat

# Perkenal insurans kebangsaan

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

**SUBANG JAYA** - Kerajaan perlu mem-  
pelbagai sumber pembiayaan pen-  
jagaan kesihatan rakyat termasuk  
memberi perhatian kepada usaha  
membangunkan skim insurans kesih-  
atan kebangsaan.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM)  
Sultan Selangor Sultan Sharafuddin  
Idris Shah Alhaj bertitah skim itu  
memberi pilihan kepada rakyat un-  
tuk mendapatkan rawatan di premis

kerajaan atau swasta.

Bertitah pada majlis peras-  
mian Hospital Sultan Idris Shah  
yang dijenama daripada Hos-  
pital Serdang, Baginda menyen-  
yur rakyat supaya memperting-  
kat pengetahuan pengurusan  
kesihatan diri.

"Setiap daripada kita juga harus  
menguruskan pembiayaan kesihatan  
dirinya dengan mampan supaya dapat  
mencekapi kesihatan diri yang baik dan  
terurus," titah Baginda pada 8 Mei.

Baginda juga menitahkan orang



ramai supaya meluangkan  
masa untuk bersukan dan  
beriadah serta mengamal  
pemakanan sihat kerana  
penjagaan kesihatan diri  
tanggungjawab bersama  
semua pihak.

"Rakyat juga perlu peka  
kepada maklumat yang di-  
sampaikan melalui saluran nasional  
untuk mengetahui pengumuman ter-  
kini kerajaan berhubung pengurusan  
kesihatan negara dan manfaat kepada  
penduduk," titah Baginda.

# Jemaah haji perlu kekal disiplin

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia  
(DYMM) Sultan Selangor Sultan Shara-  
fuddin Idris Shah Alhaj berharap jemaah  
memberi tumpuan penuh kepada ibadah  
dan bersabar menempuh dugaan sepan-  
jang mengerjakan rukun Islam kelima itu.

"Beta berharap tuan-tuan dan puan-  
puan terus mengekalkan disiplin diri  
semasa berada di tanah suci nanti dan  
menjaga nama baik negeri Selangor dan  
Malaysia.

"Beta berharap tuan-tuan dan puan-  
puan akan menumpukan perhatian kepa-

da ibadah di tanah suci. Bersabarlah atas  
segala kepayahan dan dugaan yang mung-  
kin akan dilalui terutama ketika berada di  
padang Arafah, Muzdalifah dan Mina.

"Sentiasalah berhubung dengan petu-  
gas-petugas haji dan mengikutinya segala  
arahan-arahan yang dibuat oleh pihak  
Lembaga Tabung Haji," titah Baginda.

Terdahulu, Sultan Selangor diirin-  
gi DYMM Tengku Permaisuri Selangor  
Tengku Permaisuri Norashikin berkenan  
menyempurnakan Kursus Perdana Haji  
peringkat negeri pada 7 Mei.

Baginda menasihati jemaah untuk  
mempersiapkan diri dan membersihkan niat  
sepanjang di Tanah Suci selain meman-  
faatkan masa dan tenaga untuk melak-  
sanakan amal ibadah agar beroleh haji  
mabrur.

"Satu perkara lagi yang penting beta  
ingin nasihatkan ialah menjaga kesihatan  
bermula dari sekarang.

"Apabila sampai di tanah suci nanti, jika  
ada masalah kesihatan, segeralah ke klinik  
Tabung Haji di Makkah atau Madinah un-  
tuk mendapatkan rawatan."

# MB temui rakyat Malaysia di AS

**SHAH ALAM** - Dato' Menteri Besar me-  
luangkan masa bertemu mahasiswa dan  
rakyat Malaysia yang menetap di Ame-  
rika Syarikat (AS) dalam lawatannya ke  
San Francisco, California pada 8 Mei.

Dato' Seri Amirudin Shari turut men-  
dengar pandangan mereka untuk ter-  
us memajukan Selangor, yang juga  
penyumbang terbesar ekonomi negara.

Menerusi kenyataan di Facebook, be-  
liau juga menekankan komitmen pen-  
tadbiran negeri untuk sentiasa membela

kebajikan seluruh rakyat terutama mere-  
ka yang memerlukan bantuan.

"Menerusi 46 program Iltizam Se-  
langor Penyayang, Kerajaan Negeri  
memberdaya kehidupan rakyat dan  
memastikan tiada yang tertinggal di  
bumi Darul Ehsan.

"Saya merakamkan ucapan terima  
kasih kepada diaspora Malaysia yang  
hadir dan juga penghargaan buat  
Restoran Koriander yang menyajikan  
juadah yang amat sedap dan istime-

wa," katanya.

Amirudin juga berkongsi kejayaan  
negeri merekod kutipan hasil melebihi  
hi sasaran selama tiga tahun ber-  
turut-turut selain Rancangan Selangor  
Pertama untuk pembangunan lima ta-  
hun negeri.

Sehari sebelum itu, beliau meluang-  
kan masa bertemu mahasiswa Selangor  
di Los Angeles bagi mendengar idea  
penambahbaikan perihal tadbir urus  
negeri.

OLEH  
AMIN RIDZUAN ISHAK
**DISCOVER  
PKNS**  
KOTA PUTERI CROWN CITY

Tawar pelbagai insentif, aktiviti menarik

# Karnival hartanah PKNS jelajah empat lagi lokasi

**K**empen Discover PKNS 2023 yang memberi peluang orang ramai melihat lebih dekat projek perumahan menarik di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) akan diteruskan di Antara Gapi, Hulu Selangor pada 24 dan 25 Jun depan.

Program berbentuk karnival di pusat perbandaran PKNS itu sebelum ini berlangsung di Kota Puteri, Kuala Selangor pada 6 dan 7 Mei lalu yang turut menyaksikan pelancaran projek perumahan dikenali Puteri Ariana.

Rumah teres dua tingkat berkeluasan di antara 1,979 hingga 2,258 kaki persegi itu dilengkapi empat bilik tidur, tiga bilik air dan anjung kereta luas yang dijual pada harga dari RM590,000 hingga RM762,000.

Kedudukannya pula terletak di lokasi strategik dengan akses mudah ke lebuh raya utama dan berdekatan kemudahan antaranya Universiti Selangor di Bestari Jaya, Kuala Selangor, UiTM Puncak Alam, Hospital UiTM dan pusat komersial.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan & Keusahawanan) PKNS Suhaimi Kasdon berkata kempen itu juga akan diadakan di Selangor Cyber Valley, Sepang pada 29 dan 30 Julai dan Kompleks PKNS Shah Alam (4 hingga 13 Ogos) yang



Suhaimi Kasdon

turut meraikan ulang tahun ke-59 syarikat berkenaan.

Menurutnya, acara kemuncak Discover PKNS 2023 dijangka diadakan di SACC Mall pada 28 dan 29 Oktober depan.

Program menarik menanti pengunjung di lokasi terbabit seperti perbasikal, memancing, pertandingan memasak, forum perdana, persembahan artis popular tanah air, sukaneka rakyat, jualan kendera saji selain pameran dan jualan produk PKNS serta Hari Bertemu Pelanggan.

Rakan strategik PKNS juga akan memeriahkan Discover PKNS 2023 ini menerusi gerai jualan produk, jualan produk usahawan serta promosi daripada panel bank PKNS.

Suhaimi berkata objektif utama Discover PKNS 2023 ialah untuk menarik pembabitan orang ramai (public engagement) dengan menganjurkan aktiviti-aktiviti membabitkan komuniti di perbandaran PKNS.

"Ia juga menjadi medium menarik minat bakal pembeli dan mengukuhkan kesedaran orang ramai berkenaan produk-produk perumahan PKNS menerusi promosi projek sedia ada dan yang bakal dilancarkan iaitu Puteri Ariana 2 dan 3," katanya pada 2 Mei.

Selain projek Puteri Ariana, PKNS juga merancang

melancarkan projek taman perindustrian dikenali Green Industrial Park (GRIP) di Seksyen 11 dan 12, Kota Puteri pada Julai ini.

Berkonsepskan Taman Industri Tersusun (MIP), projek berkeluasan 377 ekar itu menawarkan hartanah berkualiti iaitu 304 unit kilang berkembar fasa satu yang bakal dilancar pada Julai depan. Projek itu dijangka siap pada 2027.

Projek itu juga dilengkapi kawalan keselamatan 24 jam, kemudahan rumah kelab, taman rekreasi dan komuniti serta kuarters pekerja dengan kapasiti 3,000 orang.

Taman perindustrian itu juga dijangka mewujudkan peluang pekerjaan untuk 3,000 hingga 4,000 orang yang tempiasnya bakal dirasai penduduk setempat.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan Hartanah) PKNS Ir Md Kamarzan Md Rais memaklumkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan projek yang bakal dilaksanakan dalam beberapa dengan fasa pertama dijangka siap 2027.

Konsep MIP itu adalah inisiatif Kerajaan Negeri, PKNS dan Invest Selangor Bhd untuk menyediakan ekosistem taman industri yang berkualiti tinggi.

PKNS selaku pengurus taman perindustrian (park manager) akan menguruskan ekosistem dan komuniti di GRIP Kota Puteri secara digital dan pintar melalui anak syarikatnya, PKNS FM Integrated.

Untuk informasi lanjut boleh ke pautan [www.pkns.gov.my](http://www.pkns.gov.my) atau hubungi 03-50220188 atau WhatsApp ke talian 010-9280187.





## SELANGOR MELINDUNGI ANDA DAN KELUARGA

### SKIM INSURANS PERCUMA



- PERLINDUNGAN INSURANS AM BERKUMPULAN KEPADA **6 JUTA RAKYAT SELANGOR**
- DITAWARKAN KEPADA INDIVIDU BERUMUR BERMULA DARI **30 HARI SEHINGGA 80 TAHUN**
- PERLINDUNGAN INSURANS SEHINGGA **RM10,000** UNTUK HILANG KEUPAYAAN KEKAL DAN KEMATIAN DISEBABKAN KEMALANGAN

- PENDAFTARAN BERMULA PADA **1 OKTOBER 2022** SEHINGGA **30 SEPTEMBER 2023**
- TEMPOH INSURANS SELAMA **12 BULAN** DARI TARIKH POLISI DIKELUARKAN
- PENDAFTARAN MELALUI APLIKASI **WAVPAY E-WALLET**  
\*TERTAKLUK KEPADA TERMA & SYARAT






### ADAKAH ANDA LAYAK UNTUK MENDAFTAR?



**ANDA LAYAK JIKA**  
NOMBOR KAD PENGENALAN ANDA DIDAFTARKAN DI NEGERI SELANGOR



**ATAU**  
ALAMAT TERKINI ANDA DIDAFTARKAN DI DALAM NEGERI SELANGOR



**ATAU**  
ANDA ADALAH PENGUNDI UNTUK NEGERI SELANGOR

### BAGAIMANA UNTUK MENDAFTAR?

**1**



MUAT TURUN, PASANG DAN DAFTAR AKAUN APLIKASI WAVPAY E-WALLET

**2**



KLIK PADA BANNER PROGRAM

**3**



LENGGAPKAN MAKLUMAT SEHINGGA PROSES SELESAI

**Khidmat Pelanggan**

Talian 1 +60162504199  
 Talian 2 +60164354199  
 Talian 3 +60164474199  
 Talian 4 +60162534199  
 Talian 5 +60162514199

E-mel : [Insanbantuan@wavpay.net](mailto:Insanbantuan@wavpay.net)  
 Info lanjut, sila layari [www.wavpay.net](http://www.wavpay.net)

Imbas untuk muat turun aplikasi



## Daftar skim insurans perlindungan RM10,000

**SHAH ALAM** - Penduduk di negeri ini dipelawa mendaftar Skim Insurans Am Selangor (INSAN) yang memberi perlindungan sehingga RM10,000 mulai 1 Oktober tahun lalu.

Perlindungan insurans berkumpulan yang dilaksanakan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI ditawarkan kepada individu berusia 30 hari hingga 80 tahun.

Pemegang nombor kad pengenalan negeri ini atau pengundi Selangor layak mendaftar inisiatif berkenaan.

Pendaftaran dibuka sehingga 30 September 2023. Maklumat lanjut layari laman sesawang [www.wavpay.net](http://www.wavpay.net)

Berikut langkah-langkah mendaftar INSAN:

- Muat turun aplikasi e-dompet Wavpay App Store atau Google Play
- Daftar sebagai pengguna Wavpay, isi butiran peribadi termasuk gambar depan dan belakang MyKad
- Selepas berjaya daftar, klik pada imej program INSAN
- Lengkapkan maklumat hingga selesai
- Pemohon berjaya boleh akses e-sijil insurans

## Suntikan pneumokokal percuma

# Vaksin bantu kekal kesihatan jemaah

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

**SHAH ALAM** - Pemberian vaksin pneumokokal percuma disifatkan langkah tepat bagi memastikan kesihatan jemaah haji khususnya warga emas dalam keadaan baik.

Pekerja swasta Faridah Kusnin, 51, bercadang membawa ibunya mendapatkan suntikan itu dalam masa terdekat bagi memastikan



beliau terus sihat sepanjang menuaikan ibadah itu.

"Apabila Kerajaan Negeri maklumkan beri secara percuma, saya akan cuba daftar menerusi aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) atau ke klinik Selcare berhampiran," katanya pada 7 Mei.

Peniaga, Noorliza Kamaruddin, 43, mengakui vaksin itu agak mahal jika diambil di luar dan mereka tidak melepaskan peluang mendapatkan vaksin percuma tersebut.

"Usaha Kerajaan Negeri bagus dan membantu jemaah kerana jika di luar mungkin kosnya mencecah hampir RM200 untuk seorang," katanya.

Pada 6 Mei, Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam memaklumkan program Vaksin Selangor (Selvax) diteruskan dengan memberi 1,500 vaksin pneumokokal percuma khusus kepada jemaah haji negeri ini.

Jemaah di Shah Alam atau kawasan berdekatan boleh mendapatkan dos berkenaan di Klinik Selcare Universiti Selangor (Unisel) sehingga 15 Jun pada 9 pagi hingga 5 petang.

Tutorial pra-pendaftaran boleh ditonton menerusi pautan [vt.tiktok.com/ZS8KXbUev/](https://vt.tiktok.com/ZS8KXbUev/) dan maklumat lanjut hubungi hotline Selcare 1-800-22-6600.

WAKTU SOLAT	11-17 MEI 2023 20-26 SYAWAL 1444	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
11 Khamis		5:41	5:51	7:01	1:12	4:33	7:20	8:32	5:42	5:52	7:02	1:13	4:34	7:20	8:32	5:43	5:53	7:02	1:15	4:36	7:22	8:35
12 Jumaat		5:41	5:51	7:01	1:12	4:34	7:20	8:33	5:42	5:52	7:02	1:13	4:34	7:20	8:33	5:42	5:52	7:02	1:15	4:36	7:22	8:35
13 Sabtu		5:41	5:51	7:01	1:12	4:34	7:20	8:33	5:42	5:52	7:02	1:13	4:35	7:20	8:33	5:42	5:52	7:02	1:15	4:36	7:22	8:35
14 Ahad		5:40	5:50	7:01	1:12	4:34	7:20	8:33	5:41	5:51	7:02	1:13	4:35	7:20	8:33	5:42	5:52	7:02	1:15	4:36	7:22	8:35
15 Isnin		5:40	5:50	7:01	1:12	4:34	7:20	8:33	5:41	5:51	7:02	1:13	4:35	7:20	8:33	5:42	5:52	7:02	1:15	4:37	7:22	8:36
16 Selasa		5:40	5:50	7:01	1:12	4:35	7:20	8:33	5:41	5:51	7:02	1:13	4:35	7:20	8:33	5:42	5:52	7:02	1:15	4:37	7:22	8:36
17 Rabu		5:40	5:50	7:01	1:12	4:35	7:20	8:34	5:41	5:51	7:02	1:13	4:35	7:20	8:34	5:41	5:51	7:02	1:15	4:37	7:23	8:36



Rodziah (dua, kiri) selepas menyaksikan MoU antara Yayasan Mesra Selangor bersama mudahamal.com di bangunan pentadbiran negeri di Shah Alam pada 3 Mei. Foto FIKRI YUSOF

Yayasan Mesra Selangor meterai tiga MoU

# Rancak usaha bantu rakyat susah

Oleh **SOFIA NASIR**

**SHAH ALAM** - Yayasan Mesra Selangor (YMS) menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bersama tiga rakan strategik bagi merencanakan lagi usaha membantu rakyat kurang berkemampuan.

EXCO kesejahteraan bandar berkata pemeteraian membantu YMS mengurus infak agihan korban, membina lebih banyak pusat dialisis dan pusat kebajikan warga emas.

"Dengan adanya perkhidmatan ini, YMS berharap rakyat dapat diberi peluang serta alternatif kepada kemudahan

yang sebelum ini sukar diadakan atau diberi secara percuma," kata Rodziah Ismail.

Terdahulu, beliau bersama Ketua Pegawai Eksekutif YMS Zahariman Ariffin menyaksikan majlis pemeteraian MoU berkenaan di bangunan pentadbiran negeri di sini pada 3 Mei.

YMS menandatangani MoU dengan mudahamal.com yang bakal melaksana serta mengurus pembelian lembu atau kambing secara infak sempena Aidiladha menerusi program Mesra Qurban.

Perkhidmatan tersebut bermula 8 Mei dengan agihan korban dibuat kepada penduduk kurang berkemampuan yang dikenal pasti.

Selain itu, MoU bersama Gedung Penawar Sdn Bhd menyaksikan pertambahan 10 lagi pusat dialisis di seluruh negeri, dengan penjenamaan semula daripada Pusat Dialisis Rakyat kepada Dialisis Mesra Selangor.

Lima Pusat Mesra Warga Emas baharu bakal dibina menerusi perjanjian bersama Noble Care Malaysia Sdn Bhd bagi membantu pesakit demensia dan pesakit kritikal.

YMS yang diselia oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor ditubuhkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah, miskin tegar, keperluan mendesak dan bencana alam.

pendapatan kasar bulanan di bawah RM10,000 untuk memiliki rumah pertama mereka.

Pada 11 Mac, Rodziah berkata Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) merekod hampir 120,000 senarai menunggu bagi memiliki Rumah Selangorku.

Jumlah itu melebihi sekali ganda sasaran Kerajaan Negeri yang merancang membina 60,000 unit rumah mampu milik itu menjelang 2025.

## Teruskan skim beli rumah pertama

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri tetap meneruskan bantuan pembelian kediaman pertama menerusi skim Rumah Selangorku.

EXCO Perumahan Rodziah Ismail berkata skim tersebut mendapat sambutan menggalakkan iaitu 150,000 permohonan baharu setakat ini.

"Selangor tidak akan tutup permohonan Rumah Selangorku kerana kita mahu terus menyantuni rakyat untuk memiliki kediaman masing-masing.

"Matlamat kita adalah satu keluarga satu kediaman. Kita mahu bantu mereka terutamanya yang pertama kali mahu beli rumah," katanya pada 3 Mei.

Beliau mengulas laporan berhubung keputusan kerajaan persekutuan memansuhkan Skim Rumah Pertamaku (SRP) yang diperkenalkan sejak 2011 mulai 1 April.

SRP yang diuruskan Cagamas Bhd bertujuan membantu isi rumah ber-

## Sultan, Permaisuri bakal tunai haji

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin bakal menunaikan ibadah haji pada tahun ini.

Sultan Selangor memohon doa daripada seluruh rakyat agar Baginda berdua diberi kesihatan yang baik dan dapat menunaikan ibadah berkenaan dengan sempurna.

"Pada kali ini, Beta akan membawa bersama isteri, Tengku Permaisuri Selangor untuk menunaikan haji.

"Beta mohon doa daripada semua rakyat agar Beta dan isteri diberi kesihatan yang baik serta dapat menunaikan fardhu haji dengan sempurna dan mendapat pahala haji yang mabrur," titah Baginda yang pernah menunaikan rukun Islam kelima pada 2002.

## Tambah 10 pusat dialisis baharu

**SHAH ALAM** - Sebanyak 15 pusat dialisis Mesra Selangor beroperasi tahun hadapan, bagi menampung keperluan pesakit di negeri ini.

EXCO Kesejahteraan Bandar Rodziah Ismail berkata lima pusat rawatan percuma dikenali sebagai Pusat Dialisis Rakyat beroperasi sejak 2010 dan dijenamakan semula sebagai Pusat Dialisis Mesra Selangor, lapor Bernama.

Beliau berkata pertambahan 10 pusat baharu itu dimulakan di kawasan program perumahan rakyat (PPR) khususnya perumahan kos rendah, antaranya di Klang, Ampang dan Selayang.

"Dianggarkan setiap bulan sekitar 200 orang pesakit akan menerima manfaat di setiap pusat dialisis yang akan dibangunkan berdasarkan rekod pesakit di pusat dialisis sebelum ini," katanya pada 3 Mei.

## RM2.5 juta pasang 300 lampu LED

**HULU LANGAT** - Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan RM2.5 juta bagi pemasangan 300 lampu diod pemancar cahaya (LED) lagi di seluruh negeri.

EXCO infrastruktur berkata kerja tersebut memabatkan beberapa Dewan Undangan Negeri (DUN) mulai minggu ini dan dijangka siap sepenuhnya Jun depan.

Ir Izhah Hashim berkata pihaknya memasang 300 lampu berspesifikasi tinggi melibatkan 31 DUN untuk fasa pertama.

"Dalam mesyuarat hari ini (5 Mei), 25 DUN yang belum mendapatnya, kita akan pasang 10 unit lampu LED. Malah, ada beberapa DUN yang perlukan tambahan lampu lagi akan menerimanya.

"Untuk keseluruhan, Kerajaan Negeri memperuntuk RM5 juta untuk pemasangan 600 lampu di setiap DUN," katanya.

## Sasar jual 72 unit rumah sebulan

**GOMBAK** - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menyasar jualan 72 unit rumah berkembar dua tingkat Puteri Ariana Fasa 1 di Seksyen 8, Kota Puteri di sini dalam tempoh sebulan.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNS (Pembangunan Hartanah) Ir Md Kamarzan Md Rais berkata rumah empat bilik tidur, tiga bilik air dijual pada harga antara RM590,000 hingga RM762,000.

"Projek perumahan dengan reka bentuk kontemporari moden tropika itu dibina di atas tanah seluas 6.46 ekar dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM48.14 juta.

"Sebanyak 24 rumah dibina dengan saiz 20'x70' dan 48 lagi (22'x75') dan enam pilihan keluasan iaitu antara 1,979.07 kaki persegi (kps) hingga 2,258.09 kps," katanya pada 7 Mei.

Ir Md Kamarzan berkata projek Puteri Ariana fasa satu dibina dekat dengan pelbagai kemudahan awam antaranya universiti, hospital, sekolah, pusat komersial dan kawasan rekreasi.

Katanya, projek itu dihubung dengan jaringan lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (Latar) serta Koridor Guthrie dan Damansara Shah Alam (Dash).

## Festival angkat karya agung al-Ghazali

# Seminggu mengaji Ihya Ulumuddin

**SHAH ALAM** - Umat Islam berpeluang mengikuti majlis telaah kitab Ihya Ulumuddin karangan Imam al-Ghazali dalam Festival Turath Islami Selangor melibatkan tokoh ulama antarabangsa dan tempatan.

Bekas Mufti Besar Mesir Prof Dr Ali Jum'ah dan bekas Pengerusi Nahdhatul Ulama Dr KH Said Aqil Siradj antara ilmuwan utama dalam program anjuran Kerajaan Negeri antara 20 hingga 25 Mei.

Ulama terkenal Baba Ismail Sepanjang Al-Fathoni dari Pattani, Thailand memimpin acara talaqqi kitab itu sempena prapelanaran festival tersebut di Kediaman Dato' Menteri Besar pada 1 Mei.

Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam Wilayah Pattani Baba Haji Ghazali Ahmad Al-Fathoni dan Profesor Madya Fakulti Undang-Undang Universiti Monash, Australia Dr Nadirsyah juga terlibat.

Tokoh tempatan pula Pemegang Kerusi al-Ghazali di Institut Antara-

bangsa Pemikiran dan Peradaban Islam (ISTAC) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Prof Emeritus Datuk Dr Osman Bakar.

Turut sama, Mufti Selangor Dato' Setia Dr Anhar Opir, Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Dr Luqman Abdullah dan Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Prof Datuk Dr Muhammad Nur Manuty.

Lapan majlis itu, yang mengandungi beberapa sesi, ialah:

- Daurah Afkar (20 hingga 21 Mei) di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- Jamuan Mahabbah Ulama-Umara (21 Mei) di Hotel Concorde, Shah Alam
- Seminar Penghayatan Ihya Ulumuddin (22 Mei) di Hotel Concorde, Shah Alam
- Majlis Zikir Darul Ehsan (22 Mei) di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- Sama' Sifat Nabi (23 Mei) di Masjid

- Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Munaqasyah Ilmiah (24 Mei) di Universiti Islam Antarabangsa, Gombak
- Himpunan Ilmuwan Muda Timur Tengah (24 Mei) Lokasi akan diumumkan kemudian
- Muzakarah Ulama-Umara (25 Mei) di Hotel Concorde, Shah Alam

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin dijadual hadir dalam sebahagian program berkenaan.

Festival itu diadakan bersempena projek terjemahan 10 jilid kitab Ihya Ulumuddin yang dijayakan Kerajaan Selangor.

Maklumat lanjut dan pendaftaran boleh dibuat menerusi [www.turathislamiselangor.com](http://www.turathislamiselangor.com)

Program utama dipancar secara langsung di Facebook Media Selangor dan YouTube SelangorTV.

**RUMAH TERBUKA AIDILFITRI MALAYSIA MADANI**

Sempena  
**Jelajah #KitaSelangor**  
 Aidilfitri 1444H / 2023M

**DAERAH GOMBAK**

Ahad | 14 Mei 2023 | Kawasan Komersial Fasa 3  
 8.00 Malam - 11.00 Malam | Taman Seri Gombak

#SelangorMajuBersama #KitaSelangor  
[www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my)



Kakitangan McDonald memberi penerangan kepada pencari kerja ketika Karnival Kerjaya MyFutureJobs dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah Selangor 2023 di Dewan Hamzah, Klang pada 6 Mei. Foto HAFIZ OTHMAN

## Pengangguran turun kepada 3.5 peratus

**KLANG** - Kadar pengangguran negara menurun kepada 3.5 peratus setakat Februari lalu, kata menteri sumber manusia.

V Sivakumar berkata pasaran buruh kembali pulih pada tahap guna tenaga penuh menjadikan kadar pengangguran kurang empat peratus.

"Peluang pekerjaan juga kembali normal iaitu hampir 700,000 kekosongan jawatan direkod portal pekerjaan MYFutureJobs.

"Setakat 14 April lalu, seramai 16,865 individu ditempatkan dalam pekerjaan di seluruh negara termasuk 1,646 di Selangor.

"Seramai 57,128 pencari kerja ditempatkan dalam pekerjaan di Selangor tahun lalu menerusi perkhidmatan pekerjaan termasuk melalui portal tersebut," katanya pada 6 Mei.

Sementara itu, seramai 16,865 mendapat kerja melalui karnival kerjaya yang berlangsung di seluruh negara dan portal MYFutureJobs setakat 28 April tahun ini.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Datuk Seri Subahan Kamal berkata seramai 295,044 pencari kerja memperoleh pekerjaan melalui perkhidmatan sama tahun lepas.

## Lindungi suri rumah

# 175,999 carum skim Perkeso

Oleh **DIANA ABD WAHAB**

**KLANG** - Seramai 175,999 individu mencarum Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) sejak dilancarkan pada 1 Disember tahun lalu hingga 2 Mei.

Menteri Sumber Manusia V Sivakumar berkata seramai 6,692 peserta daripadanya adalah suri rumah dari Selangor.

"Kita menasak 500,000 suri rumah dilindungi tahun ini dan kita sokong usaha Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) promosikan SKSSR di setiap karnival kerjaya.

"Ia beri peluang kepada orang ramai untuk lebih memahami skim ini. Saya galakkan orang ramai mencarum kerana hanya RM120 perlu dibayar untuk perlindungan setahun.

"Jumlah itu sangat minimum. Kita sangat berharap lebih ramai orang akan mencarum yang akan memberikan pelbagai manfaat kepada suri rumah pada masa depan," katanya.

Terdahulu, beliau merasmikan Karnival Karnival Kerjaya MYFutureJobs dan Skim Keselamatan Sosial Suri Negeri

Selangor di sini pada 6 Mei.

Suri rumah yang ditemui pada karnival terbabit menyambut baik pelaksanaan SKSSR bagi membela nasib mereka.



Amutha Chandran, 48, yang mula mencarum sejak Disember tahun lalu berkata inisiatif itu penting sebagai persediaan masa depan.

"Bila ada perlindungan begini saya rasa keselamatan lebih terjamin kerana kemalangan boleh berlaku pada bila-bila masa.

"Skim perlindungan ini baik kerana membela nasib suri rumah yang tiada pendapatan dan tidak perlu hanya bergantung kepada suami," katanya.

SKSSR yang dikuatkuasakan pada 1 Disember 2022 bawah Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 antara usaha kerajaan dalam memastikan perlindungan keselamatan sosial meliputi seluruh lapisan rakyat.

Sementara itu, seramai 2,500 individu mendapat penempatan pekerjaan di bawah inisiatif Kerajaan Negeri, kata EXCO pemberdayaan kerja.

V Ganabattirau berkata ia hasil kejayaan menerusi karnival kerjaya yang dikendalikan Unit Pemberdayaan Pekerja Selangor (UPPS) dari November 2021 hingga kini.

**UNIT BUMIPUTERA DIBUKA  
UNTUK JUALAN**

**RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT**

- Luas Binaan : 2,129 kps
- Saiz Tanah : 42' x 80'
- Jumlah Unit Bumiputera : 8 unit
- Harga Bumiputera : RM1,526,200 (Min)
- Diskaun Bumiputera : 7%
- PEGANGAN BEBAS

**Galeri Jualan**

Level 1, Wisma DRB-Hicom, Jalan Usahawan U1/8, Seksyen U1, Jalan Usahawan U1/8, Seksyen U1, Shah Alam, Selangor

03 2052 8500

Sebuah Projek

Ahli Kumpulan

Glenmarie Cove Ph 2024-4  
Alamat: Glenmarie Cove Development Sdn. Bhd. (570044-T) Area 1, Wisma DRB-HICOM, No. 2, Jalan Usahawan U1/8, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor. No. Lesen Pemaju: 9364-5102-2024/0050(R). Tempoh Sah: 23/2/2023 - 22/2/2025. No. Permit Bina dan Jual: 9364-5102-2024/0716(R) (L). Tempoh Sah: 18/2/2023 - 17/2/2024. Pihak Berkuasa (PBT): Majlis Perbandaran Klang. No. Rujukan Pelan: MKP/DRN-600-4/1/007/2015. Harga Jual: RM1,526,200 (min) - RM1,555,800 (maks). - Bilangan Unit: 8. Jenis Rumah: Rumah Berkembar 1.5 Tingkat. Tarikh Diangka: 2023. Jua: 2023. Pengerusi Tanah: Kokai Behnam Tanah. Diwajibkan kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Skema Kepentingan: Tanah. Diskaun Bumiputera: 7%.

PH24A-5. No. Lesen Pemaju: 9364-5102-2024/1377(L). Tempoh Sah: 23/2/2022 - 22/2/2025. No. Permit Bina dan Jual: 9364-5102-2024/0765(R) (L). Tempoh Sah: 23/2/2022 - 22/2/2024. Pihak Berkuasa (PBT): Majlis Perbandaran Klang. No. Rujukan Pelan: MKP/DRN-600-4/1/009/2016. Harga Jual: RM1,526,200 (min) - RM1,555,800 (maks). - Bilangan Unit: 8. Jenis Rumah: Rumah Berkembar 1 1/2 Tingkat. Tarikh Diangka: 2023. Jua: 2023. Pengerusi Tanah: Kokai Behnam Tanah. Diwajibkan kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Skema Kepentingan: Tanah. Diskaun Bumiputera: 7%.

## Lanjut tempoh mohon geran hijau

**SHAH ALAM** - Tarikh tutup permohonan Geran Kecil Alam Sekitar (GKAS) dan Geran Kecil Teknologi Hijau (GKTH) yang sepatutnya berakhir pada 10 Mei dilanjutkan kepada 17 Mei.

EXCO alam sekitar dan teknologi hijau berkata lanjutan itu bagi memberi peluang kepada lebih ramai peserta memohon.

Menurut Hee Loy Sian, pihaknya menerima lebih 50 permohonan termasuk daripada organisasi dan masyarakat.

"Kita tidak melakukan hebahan secara meluas kerana peruntukan RM1.3 juta yang disediakan untuk GKAS (RM500,000) dan GKTH (RM800,000) memang tidak cukup.

"Jadi, kalau kita hebahkan secara besar-besaran pasti banyak yang mohon dan yang tidak dapat akan kecewa," katanya pada 6 Mei.

## 400 ekor ayam terjual sejam

**GOMBAK** - Sebanyak 400 ekor ayam terjual dalam tempoh sejam di Jelajah Ehsan Rakyat (JER) peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua di tapak pasar malam Selayang Baru di sini, pada 8 Mei.

Pegawai pusat khidmat masyarakatnya berkata orang ramai beratur seawal jam 7 pagi untuk membeli pelbagai barangan keperluan asas yang dijual murah berbanding harga pasaran.

"Lebih 400 ekor ayam habis menjelang jam 11 pagi, malah telur dan beras juga laris. Selepas cuti hari raya, sambutan makin tinggi, mungkin ramai yang ambil kesempatan membeli untuk jualan Aidilfitri," kata B Shanmugam.

Beliau menjelaskan pihaknya turut menggunakan program tersebut untuk menghebahkan pelbagai program kebajikan negeri.

## Tawar 10,000 baucar minuman

**SHAH ALAM** - Sebanyak 10,000 baucar minuman Chatime bernilai RM5 ditawarkan kepada pemegang akaun Air Selangor yang berdaftar menerusi bil dalam talian (e-bil).

Air Selangor memaklumkan tawaran sehingga 23 Mei terbuka kepada pelanggan baharu e-bil tertakluk kepada terma dan syarat.

"Jangan terlepas peluang yang membuka selera ni! 10,000 baucar Chatime (bernilai RM5 setiap satu) untuk direbut oleh pelanggan baharu e-bil.

"Hanya daftar e-bil sekarang dan bayar bil air anda menerusi aplikasi Air Selangor," katanya baru-baru ini.

Terma dan syarat boleh disemak menerusi pautan [www.airselangor.com/air-selangor-x-chatime-campaign-2023/](http://www.airselangor.com/air-selangor-x-chatime-campaign-2023/)

## Buku bongkar muslihat Mahathir

**SHAH ALAM** - Tidak lama selepas dilantik perdana menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad cuba mengurangkan kuasa Raja-Raja Melayu pada 1983.

Walau perlu dibentang di Parlimen, tindakan senyap itu mencetuskan krisis perlembagaan pertama antara kerajaan dengan istana.

Barry Wain dalam buku biografi politik pemimpin itu Malaysian Maverick: Mahathir Mohamad in Turbulent Times mendedahkan seluruh simpang siur politik beliau,

skandal dan sebahagian dasarnya yang kontroversi.

Selangorkini edisi 18-24 Mei wawancara penterjemah buku itu kepada bahasa Melayu dengan judul menarik Muslihat Mahathir: Mengharung Zaman Gelora, terbitan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE).

Selain itu, Pancawarna juga memuatkan kisah jatuh bangun usahawan mencuci karpet dan pejabat yang menerima bantuan dan tunjuk ajar Teraju Ekonomi Asnaf (Teras) oleh Lembaga Zakat Selangor.


Fatimah Umar, 44, dan Ahmad Muhalid Mohd Zawawi, 44, mengusa-

hakan perniagaan itu selepas Ahmad Muhalid hilang keupayaan akibat penyakit kencing manis dan masalah tulang belakang.

Bermula penyapu, pengelap lantai, baldi dan penyedut hampagas terpakai berharga RM80, pasangan suami isteri itu mengasaskan perkhidmatan mencuci dari rumah ke rumah pada 2018.

Sisipan juga memaparkan kisah artis Syafie Naswip yang sejak zaman kanak-kanak tidak pernah memakai pakaian baharu untuk menyambut Aidilfitri lantaran keluarganya bukan orang senang.

Pelakon filem Mukhsin itu berkongsi tabiat beliau bersama adiknya memasak juadah raya setiap tahun. Lazimnya, mereka memasak antaranya rendang ayam lada hitam dan lontong goreng tomyam.



## Puji penganjuran jualan murah

# Ringankan beban kos sara hidup

Oleh **SHAMZ JOHAN**

**AMPANG JAYA** - Pengunjung Jelajah Ehsan Rakyat (JER) di Dewan Pangsapuri Berembang Indah, Hulu Kelang di sini memuji inisiatif Kerajaan Negeri menganjurkan program jualan barangan asas pada harga murah.

Jalil Abu Shahri, 34, berkata ramai rakyat yang memerlukan sokongan dan bantuan kerajaan bagi menampung kos sara hidup dan JER sedikit sebanyak membantu mereka.

"Keadaan ekonomi masih belum pulih sepenuhnya, masih ramai perlu

dibantu terutama golongan miskin bandar dan keluarga muda dengan tanggungan.

"Program jualan murah ini antara kaedah dan inisiatif yang dapat membantu menjimatkan perbelanjaan isi rumah," katanya.

Setiausaha Badan Pengurusan Bersama (JMB) Jaafar Nordin pula berkata, lokasi penganjuran program penting bagi memudahkan pengunjung hadir.

"Majoriti penduduk di sini daripada keluarga berpendapatan rendah dan tidak mempunyai kenderaan, jadi penganjuran JER di kawasan

kediaman sangat memudahkan penduduk.

"Program ini juga atas permintaan penduduk sendiri yang mahukan manfaat dasar-dasar kerajaan menyantuni rakyat," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penduduk Pangsapuri Berembang Indah, Aionon Aduan, 53, berkata pihaknya bekerjasama dengan JMB dan jawatankuasa surau bagi membantu kelancaran program.

"Banyak keluarga dengan anak yang ramai, justeru kami bekerjasama bagi memastikan program berjalan lancar selain berharap agar jualan murah ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk," katanya.

## Inisiatif tanda kerajaan prihatin

**HULU LANGAT** - Peluang berbelanja barangan asas pada harga murah selepas perayaan menggembirakan pengunjung Jelajah Ehsan Rakyat (JER) sekali gus mencerminkan keprihatinan Kerajaan Negeri meringankan beban kewangan rakyat.

Pesara, Rosli Leman, 63, berkata komitmen Selangor menyambung semula program berkenaan ketika umat Islam masih meraikan Aidilfitri membantu golongan tiada pendapatan tetap seperti dirinya.

"Program jualan murah ini memang membantu jimatkan perbelanjaan maklum saja kita baru raikan Aidilfitri, jadi memang banyak keluaran belanja buat persiapan sambut hari raya.

"Di sini saya dapat beli macam-macam barang seperti ayam, telur dan daging dengan hanya RM50. Kalau di luar tak dapat beli banyak barang dengan nilai (RM50) tersebut," katanya.


Bagi Sarihan Mohd Noor, 65, yang pertama kali mengunjungi program berkenaan tidak menyangka barangan

jualan yang ditawarkan segar dan berkualiti.


"Jualan ini baik kerana harganya memang sangat membantu ringankan beban kewangan warga emas yang tiada pendapatan tetap.

"Saya berpendapat program ini patut diteruskan kerana ia ringankan beban rakyat terutama ketika kita berdepan peningkatan kos sara hidup dan inflasi.

"Jualan murah ini bukti Kerajaan Negeri prihatin dan peka dengan nasib rakyat," katanya di Taman Sri Nanding, Dusun Tua di sini pada 5 Mei.







## Dalami kitab al-Ghazali

Oleh NADIAH ZAMLUS

**A**l-Ghazali ilmun ulung pemikiran Islam yang dikenali di serata dunia. Karyanya dalam bidang tasawuf dan falsafah bukan hanya menjadi rujukan umat tetapi dipelajari dunia Barat.

Selain Ihya Ulumuddin, atau menghidupkan ilmu-ilmu agama, diakui karya agung beliau, kitab Tahafut al-Falasifah terus mencetuskan polemik tentang filsafat dalam dunia Islam.

Apa berlaku dalam hidup Abu Hamid Muhammad ibnu Muhammad al-Ghazali sehingga mampu mencerakinkan hujah-hujah yang sehingga kini mempengaruhi pemikir Islam dan Barat?

Perihal itu dinukilkan sejarawan William Montgomery Watt menerusi bukunya, Muslim Intellectual: A study of al-Ghazali terbitan 1963 yang diterjemahkan melalui geran Kerajaan Negeri.

Profesor Universiti Edinburgh itu, sepanjang hayatnya mempromosikan hidup toleransi antara agama, sering dikenali melalui buku Muhammad at Mecca (1953), Muhammad at Medina (1956) dan Muhammad Prophet and Statesman (1961).

Naskah terjemahan Watt yang diusahakan bawah Siri pencerahan Selangor oleh Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) dengan judul Imam al-Ghazali: Hayat & Jasa Ilmuwan Ulung.

Karya terjemahan riwayat hidup al-Ghazali itu, dengan kerjasama Media Selangor Sdn Bhd, dijangka mula dijual di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur antara 26 Mei hingga 4 Jun.

Pengarah IBDE Farhan Affandi mengakui hampir tiada buku dalam bahasa Melayu berkisar kehidupan al-Ghazali pernah diterbitkan. Justeru pihaknya memilih karya Watt kerana beliau sarjana sejarah yang cukup mengenali karya al-Ghazali.

“Buku ini dipilih mengisi kekosongan itu. Karya Watt menarik kerana pengarangnya memberi tumpuan kepada riwayat kecendekiawanan al-Ghazali,” katanya kepada Selangorkini.

### Teliti dan kritis

Mengambil masa lima bulan menyiapkan edisi bahasa Melayu, penterjemahnya Abdullah Hussaini memaklumkan karya itu menggambarkan al-Ghazali sebagai seorang ulama yang teliti, kritis dan sederhana.

“Sikap dan sifat beliau seharusnya dicontohi kita semua, baik sebagai penuntut ilmu, pengajar, pemerintah mahupun orang awam,” katanya, dengan menambah terjemahan buku itu dianggap edisi paling lengkap melalui bantuan ahli keluarga Watt.

“Watt ada menyenaraikan pembedaan buku ini sebelum beliau meninggal dunia. Semuanya kami kemas kini ke dalam edisi terjemahan berkenaan,” katanya.

Sementara itu, IBDE juga rancak menterjemah Ihya Ulumuddin sejak awal tahun ini. Dijangka selesai dalam tiga hingga empat tahun, 20 jilid naskah berbahasa Melayu itu diterjemah daripada 10 jilid teks Arab.

Usaha terjemahan Kitab Al-Ilmi (bab 1 Ihya Ulumuddin) oleh Zahid M Naser dan Hilmi Marjunit dilakukan dengan teliti pada setiap perbincangan al-Ghazali dalam karya itu. Jilid pertama dijangka terbit pada Jun.

Bagi menjulang karya hebat ini, Kerajaan Negeri menganjurkan Festival Turath Islami Selangor antara 20 hingga 25 Mei dengan menampilkan beberapa ulama dari luar negara, termasuk bekas mufti besar Mesir Profesor Dr Ali Jum’ah Muhammad Abdul Wahab.

Program enam hari itu, yang dilancar Dato’ Menteri Besar Dato’ Seri Amirudin Shari pada 1 Mei, bertujuan menyemarak lagi minat orang ramai terhadap pemikiran al-Ghazali yang sudah bertapak di negara ini.


Program yang terbuka kepada orang ramai antaranya Seminar Penghayatan Ihya’ Ulumuddin, Sama’ (Pembacaan) Sifat Nabi Ihya’ Ulumuddin dan Ijazah Hadis Musalsal, serta Himpunan Ilmuwan Muda Timur Tengah.

Mereka yang ingin menyertai Festival Turath Islami Selangor boleh merujuk semua program ini di laman [www.turathislamiselangor.com](http://www.turathislamiselangor.com)

Sejak 2016, Kerajaan Negeri menyuntik sejumlah dana setiap tahun bagi menterjemah karya-karya penting dunia dalam pelbagai bidang termasuk Islam, sejarah, politik, falsafah, sastera dan seni.

Dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, dan kini Media Selangor, IBDE sebelum ini sudah menterjemah beberapa karya al-Ghazali antaranya Al-Mustasfa: Intipati Ilmu Usul Fiqh, Penyelamat daripada Kesesatan, Ciri Pemisah antara Islam dan Zindik, dan juga Ilmu Kalam: Tegahan buat Orang Awam.

Judul asal Perihal Kesederhanaan dalam



### BUKU TERJEMAHAN AL-GHAZALI

- Ilmu Kalam: Tegahan Buat Orang Awam
- Ciri Pemisah Antara Islam dan Zindik
- Al-Mustasfa: Intipati Ilmu Usul Fiqh
- Perihal Kesederhanaan Dalam Beriktikad
- Penyelamat Daripada Kesesatan

### BUKU AGAMA TERJEMAHAN IBDE

- Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal - Martin Lings
- Apa Itu Tasawuf? - Martin Lings
- Islam di Nusantara: Kitab Kuning, Pesantren dan Tarekat - Martin Van Bruinessen
- Imam di Kota Paris: Kembara Seorang Imam di Kota Paris - Rifa’a al-Tahtawi
- Mencari Belerang Merah: Kisah Hidup Ibnu Arabi - Claude Addas
- Amir Abdul Kadir: Sang Pendamai, Wali & Pahlawan - Ahmad Bouyerdene
- Islam dalam Politik dan Pendemokrasian di Indonesia - Robert W Hefner
- Huraian al-Aqid al-Nasafiyah - Sa’duddin al-Taftazani
- Penyucian Kalbu: Tanda Penyakit Hati dan Penawarnya - Hamza Yusuf
- Abu Bakr as-Siddiq: Liku-liku Hayat & Pemerintahan Khalifah Pertama - Muhammad Hussein Haikal
- Salahuddin al-Ayubi: Raja Penakluk - John Man
- Manusia dan Alam Tabii: Kemelut Ruhani Manusia Moden - Seyyed Hossein Nasr

Beriktikad ialah al-Iqtisad fi al-Ikhtiqad. Diterjemahkan Hilmi dan terbit pada 2018, karya ini mengulas berkenaan konsep kesederhanaan.

Al-Ghazali berpesan jangan mudah-mudah mengkafirkan orang lain atas perbezaan atau kesilapan memahami asas akidah Islam. Perbincangan lanjut perihal isu takfiri, yang sudah berkembang pada zamannya, ditemukan dalam Ciri Pemisah antara Islam dan Zindik.

Penyelamat Daripada Kesesatan merupakan terjemahan yang mendapat permintaan paling meluas yang membahaskan perihal keraguan, golongan pencari kebenaran, natijah falsafah dan bahaya mazhab ta’lim.

# Syawal ubati duka tembakkan di masjid



Oleh AMIN RIDZUAN ISHAK

**L**ebih empat tahun lalu, Rahimi Ahmad dan beberapa lagi warga Malaysia menjadi antara umat Islam berdepan detik hitam apabila menjadi mangsa tembakan ketika bersolat Jumaat di dua masjid di Christchurch, New Zealand.

Rahimi, 43, dari Pulau Pinang lumpuh kaki kanan ekoran terkena senjata api milik pegganas kulit putih Brenton Tarrant. Sehingga kini dirinya masih trauma dengan episod serangan Masjid Al-Noor, begitu juga anaknya Ahmad Razif yang bersama dengannya sewaktu kejadian.

Seorang rakyat Malaysia Mohd Haziq Mohd Tarmizi, 17, antara syahid dalam peristiwa hitam di Masjid Al-Noor dan Pusat Islam Linwood pada 15 Mac 2019. Bapanya Mohd Tarmizi Shuib (foto kecil) pula cedera parah.

Raya tahun ini bermakna buat Rahimi (dua, kanan) apabila bertemu semula beberapa keluarga mangsa tembakan.

Selain Mohd Tarmizi, pertemuan itu disertai Mohd Nazril Hisham Omar (tengah) yang turut cedera dalam kejadian terbabit dan Dr Mohammad Firdaus Mohammad Hanib (kanan), doktor warga Malaysia di Hospital Christchurch



yang merawat mangsa ketika kejadian.

Pada 1 Syawal lalu, mereka bersama penduduk Islam di Avonhead menyewa sebuah dewan awam milik pihak berkuasa Christchurch untuk menunaikan solat sunat Aidilfitri. Kedudukannya terletak kurang tujuh kilometer (km) daripada Masjid Al-Noor.

Usai solat Aidilfitri, mereka berkumpul di kediaman keluarga Rahimi di Yardley Street untuk menikmati hidangan seperti nasi tomato, ayam masak merah, rendang, kuah kacang dan lemak.

Hidangan Melayu berkenaan disediakan isterinya Nor Azila Abd Wahid, 43, yang turut mengusahakan perniagaan makanan di bawah jenama 'Warung Akak' secara dalam talian.

Usaha berkenaan antara ikhtiar mereka mencari rezeki selepas Rahimi tidak lagi boleh bekerja susulan kejadian 15 Mac 2019 itu.

"Sambutan Aidilfitri tahun ini agak sederhana tetapi bermakna kerana dapat berkumpul dengan rakan-rakan termasuk bekas mangsa tembakan.

"Kami berkongsi kesedihan dan cuba melupakan peristiwa itu," kata Rahimi kepada Selangorkini pada 2 Mei.

Kali pertama Rahimi ditemu bual pada Mac 2022. Pengalamannya disiarkan eksklusif di Selangorkini edisi 10-16 Mac 2022.

Beliau antara mangsa memberi keterangan

dalam prosiding pertuduhan Brenton Harrison Tarrant yang dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup tanpa parol, hukuman tertinggi dan kes terorisme pertama di New Zealand.

Tarrant, 28 tahun waktu itu, berpindah ke New Zealand pada 2017 semata-mata untuk mengganas, pemuda warga Australia itu menyiarkan secara langsung di Facebook tindakannya mulai sebelum masuk masjid.


Pegganas itu yang mendekam di unit kawalan paling ketat Penjara Auckland, menggunakan dron pada 8 Januari 2019 untuk mengenal pasti selok-belok lokasi dan binaan Al-Noor.

Terpengaruh ideologi perkauman kulit putih selama bertahun-tahun, pegganas ini mencari video di media sosial bagaimana keadaan masjid sebagai persiapannya menyerang.

Setelah empat tahun berlalu, Rahimi menyedari trauma tembakan yang mengorbankan 51 umat Islam dan mencederakan 40 orang tidak mudah hilang.

Dirinya menerima kesan teruk apabila tidak lagi mampu bergerak seperti biasa. Sebagai ketua keluarga, Rahimi sepatutnya keluar bekerja untuk mencari rezeki buat keluarganya namun kejadian itu mengubah kehidupan.

"Sehingga kini perlu dipantau doktor dan makan ubat dengan dos tinggi. Kadang-kala kaki saya sakit sangat," katanya yang percaya segala kejadian itu mempunyai hikmah sendiri.



Noor Yahaya mencium tangan ibunya.  
Foto NUR ADIBAH  
AHMAD IZAM



**Sambutan  
Aidilfitri tahun ini  
agak sederhana tetapi  
bermakna kerana  
dapat berkumpul  
dengan rakan-rakan  
termasuk bekas  
mangsa tembakan.  
Kami berkongsi  
kesedihan dan  
cuba melupakan  
peristiwa itu**

Bagi Noor Yahaya Hamzah, 59, seorang lagi mangsa tragedi di Masjid Al-Noor, Aidilfitri kali ini disambut di kampung halamannya di Kampung Sungai Tenggi Kanan, Kuala Selangor bersama keluarga tersayang.

Wajah ibunya Kamsaton Daud, 82, yang kali terakhir ditemuinya 12 tahun lalu ditatap dan dicium sepenuhnya untuk melepaskan kerinduan.

Timbul perasaan syukur dapat bertemu insan tersayang itu selepas melalui dua detik cemas termasuk gempa bumi besar pada 2011.

“Ibu menangis tetapi beliau sebenarnya tidak tahu apa terjadi kepada saya di sana.

“Beliau tidak pandai membaca, jadi adik-beradik lain tidak beritahu kejadian tembakan kepadanya... kalau beritahu takut menjejaskan

kesihatan sebab ibu ada penyakit darah tinggi,” katanya.

Merancang berada di tanah air sehingga 10 Mei, Noor Yahaya banyak menghabiskan masa di rumah pusaka kerana mahu meluangkan masa bersama ibu serta adik beradik lain sebelum pulang ke New Zealand.

Beliau sedar faktor kewangan dan kesukaran mengambil cuti menghadkan peluang pulang ke Malaysia pada masa depan. Jadi Noor Yahaya menggunakan peluang kali ini untuk ‘menikmati semula kehidupan’ sewaktu kecil.

Peluang itu juga digunakan untuk melawat dua rakannya yang menghidap penyakit kritikal. Pertemuan itu termasuk dengan bekas doktor gigi di New Zealand dikenalnya ketika solat di Masjid Al-Noor.

“Beliau kini terlantar kerana angin ahmar, isterinya hubungi saya dan minta kalau boleh balik ke Malaysia untuk melawatnya kerana bimbang bakal terjadi sesuatu,” katanya yang berkahwin dengan warga New Zealand dan dikurniakan tiga cahaya mata.

Seperti Rahimi, Noor Yahaya percaya setiap perkara terjadi mempunyai hikmah termasuk kejadian di New Zealand pada 15 Mac 2019. Pandangan terhadap Islam semakin baik selepas itu.

Menurutnya, sudah ada kesedaran dalam kalangan penduduk bukan Islam di sana untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Islam dan menyuarakan sokongan secara terbuka serta menolak sebarang keganasan seperti dilakukan Tarrant.

“Ada ‘orang putih’ memeluk Islam. Mulanya mereka hanya tanya berkenaan agama dan bila sudah faham baru mereka peluk Islam,” katanya yang melarikan diri ke belakang Masjid Al-Noor ketika Tarrant membuat tembakan.

## SERANGAN DI MASJID NEW ZEALAND

### KEJADIAN

**Bandar:** Christchurch, New Zealand

**Lokasi (masa):** Masjid Al-Noor (1.40 petang) & Pusat Islam Linwood (1.52 petang)

**Tarikh:** 15 Mac 2019

Penembak siar secara langsung pembunuhan melalui Facebook dan rancang ke masjid ketiga sebelum ditangkap polis

### SIAPA PENEMBAK

**Nama:** Brenton Harrison Tarrant

**Umur:** 28 tahun (waktu kejadian)

**Asal:** Grafton, New South Wales, Australia

**Pindah:** menetap di Teluk Andersons, Dunedin (360km selatan Christchurch) mulai 2017 dengan niat lakukan keganasan

**Senjata api:** dua raifal AR-15, senapang Mossberg 930, senapang Ranger 870, raifal .357 Magnum Uberti dan .223 Mossberg Predator. Lebih 7,000 peluru

**Ditangkap:** di Jalan Brougham, 20 minit selepas polis terima panggilan

**Rancangan:** tonton video media sosial keadaan di dalam Masjid Al-Noor, selain guna dron tinjau persekitaran dan laluan masjid

**Ideologi:** pelampau perkauman kulit putih, percaya pada Teori Penggantian Besar kononnya etnik Eropah akan dikuasai umat Islam melalui penghijrahan

**Lawatan:** negara-negara Asia termasuk Malaysia dan Eropah antara 2014 hingga 2017. Mula berhubung dengan kumpulan pelampau di negara-negara Eropah selain komunikasi atas talian

### SIAPA MANGSA

**Jumlah:** 51 orang termasuk empat wanita

**Siapa:** paling muda Mucad Ibrahim, 3, hingga paling tua Musa Nur Awale, 77, asal Somalia

**Cedera:** 40 orang

**Warga Malaysia:** Muhammad Haziq Mohd Tarmizi, 17, terbunuh. Tiga cedera, dua selamat

### PERTUDUHAN & PENGHAKIMAN

Mahkamah Daerah Christchurch 16 Mac 2019  
**Pertuduhan awal:** membunuh

Mahkamah Tinggi Christchurch 26 Mac 2020  
**92 pertuduhan:** mengaku salah membunuh 51 orang, cubaan membunuh 40 orang lagi dan keganasan

**Keputusan:** 24-27 Ogos 2020

**Hakim:** Cameron Mander

**Hukuman:** penjara seumur hidup tanpa parol, hukuman tertinggi & kes terorisme pertama di New Zealand

**Apa kata hakim:** “Jenayah kau ini terlalu zalim, walaupun kau dipenjarakan hingga mati, ia masih tidak memadai sebagai hukumannya.”

**Di mana sekarang:** Unit Banduan Berisiko Paling Tinggi, penjara Auckland yang memakan kos besar dengan 18 pengawal. Digelar “penjara di dalam penjara”

### SIASATAN LANJUT

**26 November 2020:** Suruhanjaya siasatan diraja (RCI) keluaran laporan 800 halaman dengan 44 syor termasuk pemilikan senjata api, jenayah kebencian dan agensi keselamatan serta perisikan baharu

**22 Februari 2022:** koroner Brigitte Windley mulakan pendengaran inkuies pada atas permohonan keluarga mangsa dan badan berkaitan bagi menjawab isu yang belum ditimbul dalam RCI dan keterangan mahkamah. Pendengaran inkuies disambung semula pada 15 Mei hingga 19 Jun 2023.

**Sumber:**  
Berita media antarabangsa dan laporan Royal Commission of Inquiry into the Terrorist Attack on Christchurch Masjidain on 15 March 2019

# Riang Aidilfitri



EXCO Sukan Mohd Khairuddin Othman menyapa pengunjung kaum India yang hadir memeriahkan JKSA Petaling di tapak pasar malam Paya Jaras



EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim menghulur duit raya kepada kanak-kanak di Taman Sri Nanding, Hulu Langat



EXCO Kebudayaan Borhan Aman Shah segak busana Melayu yang menjadi tema JKSA Kuala Langat di Taman Perwira Sijangkang

Bagi menambah keseronokan merai Syawal, Kerajaan Negeri menganjurkan rumah terbuka Jelajah #KitaSelangor Aidilfitri (JKSA) di semua sembilan daerah. Di tiga daerah, majlis Rewang Sekampung diadakan seawal 9 pagi. Selesai tiga daerah minggu lalu, kini majlis diteruskan ke Hulu Langat, Petaling dan Kuala Langat pada 5 Mei, 6 Mei dan 7 Mei. Jurufoto AHMAD ZAKKI JILAN, FIKRI YUSOF dan REMY ARIFIN merakam kemeriahan acara di tiga daerah itu. Keterangan foto disediakan NADIAH ZAMLUS. Sebanyak 12 lagi foto dalam edisi akhbar digital.



Peniaga memotong kambing bakar, antara juadah istimewa di rumah terbuka Hulu Langat



Lebih 10,000 pengunjung hadir memeriahkan sambutan rumah terbuka di Taman Perwira Sijangkang



Pengunjung JKSA Kuala Langat beraksi dengan busana tradisi Melayu untuk bergambar di hadapan replika Istana Bandar, satu lokasi tumpuan pelancong



Pengunjung beratur mendapatkan apam balik, antara menu tumpuan di rumah terbuka Petaling



Sate antara menu pada rumah terbuka Hulu Langat. Menu lain ialah cakoi, laksa, lemang dan rendang

Penyanyi terkenal Zamani Ibrahim membuat persembahan di tapak pasar malam Paya Jaras



Sekumpulan kanak-kanak menunjukkan sampul duit raya di hadapan replika rumah kampung ketika JKSA peringkat Petaling



Ribuan pengunjung memenuhi tapak Agora Night Market, Taman Sri Nanding sejak jam 8 malam



Penyanyi Ara Johari tersenyum ketika menghiburkan tetamu di rumah terbuka Kuala Langat



EXCO Kebudayaan Borhan Aman Shah bersama pengamal media di hadapan replika Istana Bandar di JKSA Kuala Langat



Pegawai Daerah Hulu Langat Mohd Jusni Hashim menyerahkan duit raya di rumah terbuka di Taman Sri Nanding



Sekumpulan wanita ke rumah terbuka Petaling cantik menggayakan busana Melayu dihiasi cucuk sanggul



Anggota tentera di rumah terbuka Kuala Langat menyediakan hidangan pek makanan segera atau dipanggil pek rangsum



Artis Jabatan Penerangan negeri menghiburkan tetamu ketika JKSA di Taman Sri Nanding



Orang ramai mendapatkan apam balik di Taman Perwira Sijangkang pada rumah terbuka Kuala Langat



**Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang Najmuddin Jemain bermesra dengan kanak-kanak pada rumah terbuka Hulu Langat**



**Lebih 10,000 pengunjung memenuhi rumah terbuka Hulu Langat bermula jam 8 hingga 11 malam**



**Seorang pengunjung rumah terbuka Kuala Langat gembira sambil menunjukkan tanda bagus**



**Peniaga menyediakan ayam panggang untuk orang ramai di rumah terbuka Petaling. Turut dihidang, kambing golek**



**Pelbagai jenis buah dinikmati pengunjung ketika menjamu selera di tapak pasar malam Paya Jaras sempena rumah terbuka Petaling**



**Kanak-kanak turut memeriahkan majlis, kira-kira 8,000 pengunjung hadir ke program JKSA Petaling**



# Kreatif garap iltizam negeri

Foto Pertubuhan Media Negeri Selangor

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

**P**elbagai bantuan menerusi Iltizam Selangor Penyayang (ISP) digarap kreatif dalam drama sepanjang 45 minit yang menemui penonton di TV2 pada 3 Mei.

Selalu Ada mengadunkan dialog, iklan, siaran radio serta poster dalam beberapa adegan bagi mempromosi sebahagian daripada lebih 40 inisiatif Kerajaan Negeri.

Antaranya baucar Jom Shopping Raya, Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS), Bas Smart Selangor, Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) dan Peduli Siswa.

Selain itu, Skim Iltizam Selangor Sihat (ISS), program Iltizam Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Selangor (IMPAK Selangor), Anak Istimewa Selangor (ANIS) dan Jelajah Ehsan Rakyat juga diselit.

Kesemua pakej ISP itu diselit dalam plot Selalu Ada yang berkembang menerusi elemen persahabatan dan kekeluargaan.

Cerita bermula dengan tiga sekawan di Selangor yang bakal menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Sedih meninggalkan negeri tersayang dan sahabat ketika susah dan senang membuatkan Faqih lakonan Syafie Naswip, Jasmin (Sophia Albarakbah) dan Salahudin (Zarul Imran) berat hati berpisah.

Plot mula berkembang apabila watak Dr Jayyana lakonan Erra Fazira membuat kemunculan.

Tidak keterlaluan dikatakan, Dr Jayyana yang menjadi kakak kepada Jasmin watak penting 'menghidupkan' drama walau muncul beberapa minit.

Lakonan bekas Ratu Cantik Malaysia 1992 itu menyengat apabila menyimpulkan 'selalu ada' menerusi dialog ringkas yang terus sampai ke hati penonton.

"Dengan keluarga ke, dengan saudara mara ke atau dengan sahabat sekalipun kita kena 'selalu ada', tak kisahlah apa pun, janji 'selalu ada' dalam semua perkara, saling mengingatkan, 'selalu ada' bila berhadapan dengan masalah."

Dr Jayyana sebagai pegawai perubatan di Hospital Shah Alam menjadi inspirasi tiga sahabat itu terutama adiknya Jasmin yang melanjutkan pelajaran ke United Kingdom.

## Cakna masalah

Pak Latip lakonan Kazar Saisi sebagai tukang cuci di kampus disulam elemen misteri pada awal kemunculannya. Latar bunyi seram pada babaknyapun mungkin menimbulkan kekeliruan kepada penonton mengenai peranannya dalam drama berkenaan.

Namun, sisi mesra Pak Latip kelihatan apabila melihat Faqih memakai jam peninggalan arwah bapanya yang lama dan ketinggalan zaman.

Bersama Faqih, Pak Latip yang mempunyai anak istimewa dan isteri seorang pengasuh, diterangkan mengenai kebaikan dan kelebihan IMPAK Selangor dan ANIS.

Watak Salahudin, seorang anak taat menyentuh hati apabila memilih menyambung pengajian di Shah Alam supaya dapat menjaga

ibunya yang sakit berbanding menerima tawaran belajar ke Jepun.


Pada akhir cerita, kemunculan Dato' Jalaluddin Hassan sebagai Cikgu Salleh bertemu tiga bekas muridnya iaitu Ropie, Mat lakonan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan Cikgu Amin lakonan EXCO Kebudayaan Borhan Aman Shah menghantar penonton mengimbau memori guru tidak pernah lokek memberi nasihat.

Pengakhiran cerita mungkin membuatkan penonton terpinga-pinga, namun nasihat Cikgu Salleh dipegang Mat seorang penjual daging iaitu ukuran kejayaan bukan dilihat melalui harta, kepandaian atau kedudukan, tetapi bagaimana menggunakannya untuk manfaat keluarga, sahabat dan masyarakat wajar menjadi pedoman.

Selalu Ada yang menjadi tajuk drama, digarap dalam konteks lebih meluas iaitu keberadaan pemimpin dalam kehidupan rakyat.

Dialog "itulah dia bila pemimpin tahu tentang masalah dan cuba selesaikan masalah" yang dilontar Mat ketika memberi respon pujian Ropie terhadap inisiatif jualan murah Jelajah Ehsan Rakyat menunjukkan peri pentingnya memilih pemimpin yang cakna masalah rakyat.

Drama arahan Che Mie terbitan Kerajaan Selangor diulang tayang pada 13 Mei kesinambungan program Senandung Aidilfitri ketika pandemik Covid-19 pada 2020.



# Raya 'balas dendam'

Oleh NAZLI IBRAHIM  
Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

**B**ukan mudah menjadi anak seni. Terpaksa berkorban banyak perkara termasuk sambutan Aidilfitri bersama keluarga.

Itu dihadapi pelakon jelita Sophia Albarakbah. Sudah dua tahun berturut-turut dia tidak beraya bersama orang tua dan adik-beradiknya.

Jadual penggambaran padat sehingga dia hanya mampu mengeluh pada 1 Syawal lantaran sibuk menyiapkan projek drama mahupun filem.

Namun tahun ini berbeza. Tiada penggambaran tatkala musim perayaan. Tentunya mahu membalas dendam terlepas merai lebaran pada 2021 dan 2022 bersama keluarga.

"Raya kali ini lebih seronok. Seperti biasa, sambut raya di Kuala Lumpur. Dua tahun sebelum ini ada penggambaran drama, agak sibuk tetapi raya kali ini tiada drama.

"Cuma ada sedikit pertunjukan fesyen dan berlakon telefilem kejap-kejap sahaja. Jadi tahun ini ada banyak masa terluang dapat habiskan masa dengan keluarga.

"Tbu bapa dan adik-beradik semua ada di sini," kata pelakon berusia 29 tahun itu kepada Selangorkini di lokasi penggambaran Selalu Ada di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, bulan lalu.

Pemegang watak Jasmin dalam telefilem Selalu Ada yang disiarkan di TV2 itu turut meluahkan rasa lega.

Projek berkenaan antara tugas diselesaikan sebelum menjelang Aidilfitri, sekali gus melapangkan masa untuk dia beraya sepuas-puasnya.

Kata anak kedua daripada empat beradik itu, dia sudah membuat persiapan baju raya sejak sebelum Ramadan.

Lulusan bioteknologi dan dietetik Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) memberitahu, dia mahu membuat kek sebagai juadah istimewa raya tahun ini.

"Kuih biasanya beli tetapi Sophia dan adik memang suka buat kek. Jadi, dekat raya kami akan buat kek keju, 'red velvet' dan 'brownies'," ujarnya.

Sophia dan keluarganya juga mengadakan rumah terbuka. Acara itu digunakan bertanya khabar saudara

mara dan rakan-rakan yang berkunjung.

Gadis berdarah kacukan Melayu, Arab dan Cina ini menjelaskan, dia hanya kembali ke set penggambaran selepas raya, membabitkan satu filem dan satu drama.

## Mula berlakon

Bercakap mengenai kerjaya, anak kepada bekas peserta Ratu Cantik Malaysia 1980 itu menjadi peragawati dan pelakon ketika masih menuntut.

Bermula watak kecil, antara filem dibintangi Mimaland, Pasal Kau!, Ada Hantu, Jerangkung Dalam Almari dan Ada Hantu 2.

Juga pernah berlakon drama antaranya Suamiku Lelaki Pendosa, Ku Akad Kau Dengan Bismillah, Tercipta Satu Ikatan dan Hadiah Dari Tuhan.

Kerap ditawarkan watak air mata, antara cabaran terbesar apabila kali pertama memegang peranan heroin drama Suamiku Lelaki Pendosa di samping Datuk Aaron Aziz.

"Semua cerita saya berlakon ada cabarannya tetapi antara paling mencabar adalah masa jadi heroin drama Suamiku Lelaki Pendosa. Ia naskhah agak berat kerana banyak main emosi, banyak menangis.

"Masa itu masih baharu lagi. Jadi untuk dapat emosi agak susah sikit tetapi bila sudah lama, jadi mudah," katanya.

Walau pernah terbabit kontroversi, namun Sophia bertuah keluarganya sentiasa di samping memberi nasihat.

"Artis memang tidak lari kontroversi. Mula-mula susah sesuaikan diri, tetapi lama-lama belajar kuatkan diri.

"Kena pekakkan telinga bila ada ambil kesempatan sakitkan hati kita, tetapi sekiranya ada beri nasihat membina kita ambil, terima dengan baik," katanya.

Selain itu, sikap profesional juga membantu Sophia kekal fokus kepada kerja terutama ketika di set penggambaran.

"Macam kontroversi baru-baru ini, masa itu penggambaran belum habis. Saya kena profesional habiskan penggambaran.

"Alhamdulillah sekarang sudah lupakan kontroversi itu dan yang penting ambil iktibar," katanya lagi.





Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

**P**emecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim 25 tahun lalu membakar gejolak bantahan politik di luar dugaan. Walau digelar “reformasi”, peristiwa September 1998 itu seolah-olah gerak revolusi yang menggegarkan negara.

Dengan sumpahnya “saya tidak akan menyerah kalah” dan slogan “lawan tetap lawan! Lawan sampai menang”, bekas timbalan perdana menteri itu terus mengubah landskap politik Malaysia yang masih terasa sehingga kini.

Namun tidak semua yang dirasai saat itu sudah diketahui umum. Masih ada babak politik yang tersembunyi. Filem biografi beliau Anwar: The Untold Story menyelak babak-babak awal yang tersorok.

Penyair dan pelakon terkenal Pyanhabib Rahman terkesan dengan detik-detik tragis itu, khususnya sewaktu Anwar dibelasah ketua polis negara Tan Sri Abdul Rahim Noor sejurus ditangkap pada 20 September 1998, beberapa jam selepas memimpin demonstrasi besar di tengah-tengah ibu kota.

“Ada beberapa adegan yang meruntun perasaan, antara yang sangat menyentuh saya ialah apabila tumpuan saya kepada layar, dibawa dalam gerak perlahan, sehelai seluar dan kemeja dibawa melintas sel tahanan,” katanya kepada Selangorkini selepas tayangan perdana pada 8 Mei.

Insiden tersebut menjadi pembakar semangat pendukung Gerakan Reformasi. Foto Anwar mengangkat tangan dengan mata lebam sedang berjalan ke mahkamah menjadi poster tunjuk perasaan.

Simbol mata pula diangkat lambang Parti Keadilan Nasional (KEADILAN) pada 1999.

“Melalui satu adegan lain, kita pun tahu bahawa (isterinya) Dr Wan Azizah Wan Ismail seharian di pintu masuk ibu pejabat polis persekutuan Bukit Aman, menunggu akan khabar hidup mati suaminya,” cerita seniman itu lagi.

### Nadi filem

Watak Dr Wan Azizah yang dibawa pelakon negara jiran Acha Septriasa disifatkan paling berkesan dan menjadi nadi penghidup filem arahan Viva Westi, yang juga dari Indonesia.

“Ramai penonton boleh menerima bahawa watak Dr Wan Azizah yang dibawa oleh Acha adalah watak paling berkesan dalam filem ini,” kata Noor Amin Ahmad, penulis buku biografi Anwar dan bekas ahli parlimen KEADILAN, selepas tayangan perdana.

“Berkesan dalam maksud berjaya menjentik emosi kita. Tidak keterlaluan jika The Untold Story sebenar, asas kekuatan Anwar itu, ialah Dr Wan Azizah, ibu (Gerakan Reformasi).”

Farid Kamil memegang watak Anwar, sementara Hasnul Rahmat pula perdana menteri waktu itu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Saskia Chadwick (Nurul Izzah Anwar) dan Rafaat Hamzah (Rahim Noor).

Penerbit eksekutifnya Zunar atau Zulkiflee Anwar Haque, seorang kartunis politik yang dikenali ramai sangat dekat dengan gerakan protes tersebut sejak 1998, turut menyediakan



Pyanhabib (*foto kiri*), yang tidak ketinggalan mengamati peristiwa politik itu, menyifatkan usaha Zunar itu berani.

“Meski ditangani karyawan bukan Malaysia, lupukan kekurangan yang ada. Anwar: The Untold Story sebuah mahakarya. Melihat filem ini adalah melihat isinya,” katanya lagi.

Walau ramai penonton tersentuh dengan babak-babak tertentu, Amin (*foto kanan*) yang kini pengerusi Institut Terjemahan dan Buku Malaysia melihat lebih kritis karya ini.

“Cuma sosok Anwar itu bagi saya rumit. Di sinilah, bagi saya, kejayaan Viva mengangkat satu jalur perjuangan Anwar.

“Namun, saya fikir ia boleh diperkuatkan



**Anwar dan Dr Wan Azizah bersama Viva Westi (kiri), Saskia Chadwick (dua, kiri), Andi Rianto (tiga, kiri) dan Siti Nurhaliza (kanan) pada tayangan perdana Anwar: The Untold Story**

lagi dengan beberapa dialog, babak dan ketelitian tertentu,” katanya kepada Selangorkini.

Selepas tayangan perdana, Anwar yang menonton bersama Dr Wan Azizah mengakui tersentuh melihat babak daripada kisah hidupnya walau beberapa dialog tidak mungkin 100 peratus tepat.

“Sepanjang tempoh hidup derita di dalam penjara, hanya sekali saya menangis iaitu apabila ibu saya meninggal dunia. (Detik) itu saya memang tidak boleh kawal, yang lain-lain itu senyum dalam tangisan.

“Saya sukar mengulas filem itu disebabkan kadang-kadang ada episod dalam kehidupan, yang saya mahu lupakan kerana ia amat menyakitkan dan menyedihkan.

“Berat beban itu juga banyak ditanggung oleh Azizah, anak-anak dan rakan-rakan.

“Cukuplah dengan beban yang saya lalui.”

Datuk Seri Siti Nurhaliza Tarudin, yang hadir menonton bersama Anwar di sebuah pusat beli-belah terkenal di Kuala Lumpur, menyanyikan lagu tema filem ini

Menjaga Cintamu ciptaan Andi Rianto.

“Saya terima tawaran menyanyikan lagu Menjaga Cintamu kerana yakin dengan kekuatan lagu ini. Ia bukan hanya gambaran kesetiaan Dr Wan Azizah (kepada Anwar), tetapi secara amnya untuk wanita yang setia mencintai pasangan.

“Saya amat tertarik dengan mesej dalam lagu ini. Saya faham lirik lagu Menjaga Cintamu ini lebih kepada pengorbanan seorang isteri dan cinta yang tiada tolok bandingan,” katanya kepada portal Berita Harian pada 3 April.



### Beban berat



**CERIA...** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama isteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menghadiri tayangan perdana filem *Anwar: The Untold Story* di Dadi Cinema Pavilion, Kuala Lumpur pada 8 Mei. Foto BERNAMA

## Tingkat keupayaan ekonomi

# Kestabilan tarik minat pelabur luar

**SHAH ALAM** - Keutuhan pentadbiran Kerajaan Perpaduan mampu menstabilkan ekonomi negara sekali gus menarik pelaburan asing, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, penekanan kepada kestabilan politik perlu diberi perhatian utama supaya pelabur terus yakin dengan kepimpinan, kestabilan dan masa depan negara, lapor Bernama.

Beliau menyifatkan pelaburan syarikat automotif Geely dan Amazon Web Service (AWS) ke Malaysia berikutan berdasarkan keyakinan syarikat

berkenaan terhadap kestabilan politik di negara ini.

"Pengerusi Geely, salah satu syarikat automobil kenderaan terbesar negara akan menemui saya dan kemudian akan mengumumkan peruntukan berpuluh bilion, untuk dijadikan Malaysia sebagai markas automobil di rantau ini.

"Sebelum ini, kita tahu tentang syarikat AWS yang bersetuju jadikan Malaysia sebagai pangkalan, banyak negara mohon, Filipina, Indonesia dan lain-lain. Semua mengharapkan AWS

memilih negara mereka," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri Sembilan dan Malaysia Madani di Seremban pada 7 Mei.

Selain itu, Anwar menjelaskan dua lagi pusat data akan diwujudkan dalam negara, sekali gus membuka ribuan peluang pekerjaan kepada rakyat.

"Kita ada satu sistem dunia digital yang besar di Johor, satu lagi akan ditubuhkan di Cyberjaya dan satu belum lagi diputuskan yang akan diumumkan kemudian," katanya.

## Sedia berdepan usul cabar kerajaan

**SHAH ALAM** - Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta pembangkang yang mahu mencabar pentadbiran kerajaan supaya membawa usul mengenai perkara berkenaan ke parlimen.

Menegaskan beliau bukan seperti perdana menteri terdahulu yang mengisytihar darurat atau menangguhkan sidang parlimen, Anwar sedia untuk 'bertempur' di parlimen, lapor Bernama.

"Kalau mahu dicabar, cabar di parlimen nanti. Saya yakin dengan angka, kita (Kerajaan Perpaduan) masih per-

tahankan (sokongan) 148 ahli parlimen.

"Saya sedia bertempur di parlimen sekiranya pembangkang benar-benar mempunyai angka," katanya dalam majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani di Bukit Mertajam Pulau Pinang pada 6 Mei.

Anwar yang juga menteri kewangan meminta pihak yang mendakwa memiliki cukup akaun bersumpah untuk mengambil alih jawatan perdana menteri membawa usul ke sidang parlimen akan datang.

"Bawa usul ke parlimen, saya tidak

akan mengelak daripada membentangkan usul undi tidak percaya dan saya akan berdepan dengan semua ahli-ahli berhormat untuk selesaikan isu ini.

"Tapi syaratnya, biar ini episod ini berakhir, supaya kita boleh tumpu perhatian kepada pembangunan negara.

"Jangan sabotaj Kerajaan Perpaduan. Kita sudah beri ruang, jangan cuba mengganggu gugat pentadbiran sekarang. Kalau enggan henti, kita akan bertindak sewajarnya tanpa tolak ansur," katanya.

## Hujan berkurangan hingga September

**SHAH ALAM** - Monsun Barat Daya mulai 15 Mei hingga September menyebabkan taburan hujan lebih rendah di kebanyakan tempat, kata ketua pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

"Kebanyakan tempat di seluruh negara akan mengalami bilangan hari tanpa hujan yang lebih banyak berbanding bilangan hari hujan," kata Muhammad Helmi Abdullah seperti dilapor Bernama pada 9 Mei.

Beliau berkata hujan lebat berserta angin kencang dan petir berikutan fenomena garis badai boleh berlaku di pantai barat Semenanjung dan barat Sabah terutama pada awal pagi.

Garis badai ialah ribut petir yang terbentuk akibat penumpuan angin dan boleh berlarutan hingga beberapa jam.

Muhammad Helmi juga menambah fenomena jerebu boleh berlaku dalam tempoh Monsun Barat Daya jika pembakaran terbuka tidak terkawal.

## Peniaga teruja dikunjungi PM

**KUALA LANGAT** - Peniaga nasi campur di Medan Selera Persiaran Majlis di sini meraih pengalaman berharga bertemu dan melayan perdana menteri makan tengah hari.

Suzana Mohd Kasim, 58, bersama anak-anak teruja selepas mendapat makluman Datuk Seri Anwar Ibrahim berkunjung ke kedai makannya.

"Selama 20 tahun berniaga di sini, inilah kali pertama menerima kunjungan orang kenamaan dan tidak sangka Perdana Menteri sendiri, ia satu pengalaman berharga buat kami sekeluarga" katanya pada 5 Mei.

Terdahulu, Anwar meluangkan masa menikmati makan tengah hari bersama pemimpin setempat diiringi Ahli Dewan Negeri (ADN) Tanjung Sepat Borhan Aman Shah, ADN Morib Hasnul Baharuddin dan ADN Banting Lau Weng San.

## Segera baiki kuarters anggota penjara

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan proses baik pulih kuarter Penjara Sungai Buloh disegerakan bagi memastikan premis itu siap menjelang akhir tahun ini.

Beliau turut mengumumkan kelulusan peruntukan bagi pemasangan alat penyaman udara di Dewan Tan Sri Murad Ahmad yang terletak dalam kawasan penjara berkenaan, lapor Bernama.

Anwar ketika hadir majlis sambutan Aidilfitri Jabatan Penjara Malaysia pada 5 Mei merakam penghargaan kepada pengurusan dan kakitangan yang memberi layanan baik sewaktu beliau dalam tahanan.

Mengimbau kenangan sembilan tahun menjadi penghuni di situ, perdana menteri menjelaskan penahanan tersebut mengajarnya beliau erti ehsan, rahmah dan amanah.

## Pantau kualiti udara, tangani jerebu

**SHAH ALAM** - Jabatan Alam Sekitar (JAS) bersiap siaga dan mengambil pelbagai langkah bagi menangani isu pembakaran terbuka yang merupakan antara punca kemerosotan kualiti udara dan keadaan jerebu setempat yang boleh menjejaskan kesihatan awam.

Menurut jabatan itu, ribut petir dan hujan lebat dijangka berkurangan sepanjang tempoh monsun barat daya mulai pertengahan Mei hingga September, lapor Bernama.

"Dalam tempoh cuaca kering ini, dikhawatiri kejadian pembakaran terbuka akan berlaku peningkatan terutamanya di kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti di kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah," menurutnya dalam kenyataan pada 7 Mei.

JAS memaklumkan pihaknya turut meningkatkan pemantauan dan rondaan operasi mencegah pembakaran terbuka melalui darat dan menggunakan dron.

## Urus keperluan rumah ibadat

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri prihatin dengan cabaran yang dihadapi masyarakat Buddha terutama dari segi keperluan menyediakan prasarana rumah ibadat susulan pertambahan penganut dan program keagamaan.

Pengerusi bersama Jawatankuasa Khas Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (Limas) berkata organisasi itu ditubuhkan bagi mengurus isu berkaitan permohonan tanah dan hal ehwal berkaitan rumah ibadat selain Islam dengan lebih berkesan.

"Kerajaan Negeri juga memperuntuk RM8 juta sebagai bantuan kewangan kepada rumah-rumah ibadat selain Islam termasuklah tokong, kuil, gereja dan gurdwara yang dise-laras oleh Limas.

"Peruntukan itu digunakan untuk membaik pulih rumah-rumah ibadat dan menjalankan aktiviti keagamaan masyarakat," kata Hee Loy Sian sempena sambutan Hari Wesak peringkat negeri pada 6 Mei.

# Tangguh aktiviti luar bilik darjah

**SHAH ALAM** - Semua institusi bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) disaran menangguhkan aktiviti luar berikutan cuaca kering dan panas berpanjangan ketika ini.

Menterinya Fadhlina Sidek berkata ia termasuk merentas desa, kawad, sukan dan permainan, perkhemahan serta aktiviti pengajaran dan pembelajaran

(PdP) di luar bilik darjah.

"Berharap semua institusi KPM dapat memberikan kerjasama menangguhkan semua aktiviti luar yang melibatkan murid dan guru atau pensyarah.

"Saya menghargai segala usaha dan keprihatinan seluruh warga KPM di semua peringkat demi kesihatan dan kesejahteraan pelajar atau murid," tu-

lisnya di Twitter pada 5 Mei.

Sebelum ini, KPM membenarkan murid, guru dan anggota kumpulan pelaksana di semua institusi bawahnya memakai pakaian atau baju sukan yang sopan ketika cuaca panas.

Pemakaian tali leher tidak diwajibkan bagi murid berpakaian seragam bagi mengelak komplikasi kesihatan.

## Elak pembakaran terbuka

# Sedia tangani kesan cuaca panas, kering

**SHAH ALAM** - Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim sedia menghadapi kemungkinan akibat cuaca panas dan kering yang dijangka melanda negara sehingga Ogos.

Menterinya berkata kawasan yang dikhawatiri terjejas dipantau bagi mengatasi kemungkinan masalah bekalan air, pembakaran terbuka dan kebakaran tanah gambut, lapor Bernama.

Nik Nazmi Nik Ahmad berkata Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

(SPAN) juga berbincang dengan operator air di seluruh negara bagi memastikan bekalan air mencukupi di setiap negeri.

"SPAN sedang pantau untuk pastikan kita dapat uruskannya dengan sebaik mungkin, tetapi memang pelan itu sudah ada dan diketahui operator-operator air sendiri.

"Di kawasan utara terutamanya mengalami cuaca kering, tapi kalau ikut ramalan akan sampai ke seluruh Se-

menanjung serta Sabah dan Sarawak.

"Tapi kita tengok dalam beberapa minggu ini di Lembah Klang, hujan masih turun, namun kita akan terus pantau dan lihat pada ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia," katanya pada 9 Mei.

Beliau juga mengingatkan orang awam yang mengambil air dari dalam tanah terhadap kemungkinan sumber air itu dikhawatiri terkandung bahan logam tinggi yang boleh menjejaskan kesihatan.

# Utamakan keselamatan pelancong

**SHAH ALAM** - Pengusaha tapak perkhemahan di negeri ini diminta tidak takut untuk mendaftar perniagaan mereka dengan pihak berkuasa tempatan (PBT).

EXCO Pelancongan dan Alam Sekitar Hee Loy Sian berkata Kerajaan Negeri tidak berhasrat menutup atau menarik lesen perniagaan mereka sebaliknya ingin memastikan keselamatan di tapak perkhemahan terjamin untuk pelancong.

"Kita minta daftar supaya jika berlaku apa-apa kita boleh segera bantu tetapi mereka takut penguat kuasa datang

periksa tempat mereka.

"Penguat kuasa datang hanya untuk periksa keselamatan di kawasan tersebut dan bagi cadangan jika lokasi di situ didapati kurang sesuai pindah ke tempat lebih selamat, bukan nak terus tutup atau tarik lesen mereka," katanya pada 6 Mei.

Loy Sian berkata pihaknya akan mengadakan satu lagi sesi dialog dengan pengusaha tapak perkhemahan pada Jun atau Julai supaya mereka faham keutamaan adalah keselamatan pelancong.

Beliau berkata pihaknya belum memperoleh jumlah pengusaha tapak perkhemahan yang berdaftar di setiap PBT setakat ini.

Bermula 1 Februari, semua pengusaha tapak perkhemahan di Selangor diwajibkan berdaftar dengan PBT bagi menjamin keselamatan pengunjung.

Keputusan itu dibuat susulan tragedi tanah runtuh di tapak perkhemahan Father's Organic Farm, Batang Kali yang mengorbankan 31 nyawa pada Disember tahun lalu.

## IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL

SERTA LEBIH 1 JUTA KOMUNITI DIGITAL MEDIA SELANGOR



MediaSelangor



Selangor Journal



Selangor TV



Selangor TV



Media\_Selangor



mediaselangor



t.me/MediaSelangor



@Selangortv



Media Selangor Sdn Bhd

Layari portal berita [selangorkini.my](http://selangorkini.my) hari ini untuk kemaskini berita khusus untuk warga Selangor





**SIHAT...** Datuk Bandar Subang Jaya Mohd Fauzi Mohd Yatim menghadiri program #selamatpagisubangjaya @ Hari Tanpa Kenderaan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) di Jalan Persiaran Kemajuan pada 7 Mei. Foto Facebook MBSJ

Pandang serius aduan orang ramai

# Sita jika ingkar peraturan

Oleh **AZIAN AZIZ**

**SHAH ALAM** - Peniaga pasar awam Plaza Taman Sri Muda di sini berdepan tindakan tegas Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) antaranya barang jualan disita dan lesen ditarik balik jika gagal mematuhi peraturan.


Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya Shahrin Ahmad berkata pihaknya memandang serius aduan mengenai peniaga yang melanggar peraturan di pasar awam berkenaan.

Katanya, aduan itu antaranya berniaga tanpa lesen, menggaji pekerja asing, membiarkan warga asing mengurus perniagaan dan melakukan penyembelihan ayam dan itik di dalam pasar.

"Walaupun pasar awam ini dikendalikan pihak swasta, peniaga perlu mematuhi peraturan ditetapkan.

"Kita akan melakukan pemantauan berterusan bagi memastikan tiada pelanggaran peraturan berlaku," katanya pada 4 Mei.

Pada 2 Mei, Datuk Bandar Shah Alam Dr Nor Fuad Abdul Hamid bersama Ahli Majlis MPP Zon



9 Ramu Nadarajan serta Pengarah Bahagian Pelesenan MBSA Madiyan Bawah melakukan tinjauan di pasar awam itu.

Tinjauan dijalankan berikutan aduan orang ramai mengenai masalah di pasar itu termasuk melibatkan pekerja warga asing.

Sehubungan itu, MBSA mengingatkan peniaga supaya tidak melanggar peraturan atau berdepan tindakan tegas.

Sebarang aduan boleh disalurkan melalui talian 1800-88-4477.

Plaza Taman Sri Muda yang diurus syarikat swasta merupakan premis perniagaan lima tingkat dengan bahagian bawahnya adalah pasar awam.

Terdapat 29 lesen dikeluarkan untuk peniaga di pasar awam berkenaan antaranya menjual sayuran, daging, ikan, barangan runcit dan kedai gunting rambut.

Sementara itu, MBSA mengajak orang awam mengemukakan cadangan bagi menambah baik perkhidmatannya ke arah Shah Alam Bandar Pintar.

Pandangan mengenai Pelan Tindakan Bandar Pintar itu boleh dikongsi di pautan [shorturl.at/cfjGS](https://shorturl.at/cfjGS)

## Wanita pertama ketua MPAJ

**SHAH ALAM** - Mantan Pegawai Daerah Hulu Langat Dr Ani Ahmad dilantik yang dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) kesembilan pada 2 Mei.

Beliau mencatat sejarah sebagai YDP wanita pertama pihak berkuasa tempatan itu dalam tempoh 30 tahun penubuhannya.

"Acara (pelantikan) diserikan dengan pemeriksaan perbarisan anggota penguat kuasa dan tarian Akademi MPAJ sebelum Dr Ani mengimbas kad perakam waktu," maklum MPAJ menerusi Facebook.

Dr Ani memiliki Ijazah Kedoktoran Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia pada 2015 selain ijazah perancang bandar dari Universiti Malaya.

## Kekal kecemerlangan pentadbiran MBSJ

**SUBANG JAYA** - Datuk bandar baharu berazam mengekalkan momentum kecemerlangan yang dicapai Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) selama ini.

Mohd Fauzi Mohd Yatim, 56, berikrar untuk menambah baik mutu perkhidmatan kepada warga penduduk bandar raya ini.

"MBSJ di landasan betul. Jadi kita akan lebih memfokuskan isu dan mengamalkan konsep tangani masalah sebelum penduduk membuat aduan.

"Rasanya cabaran mengendali kawasan serta penduduk di perbandaran dan bandar raya sama sahaja. Yang penting kita perlu beri perkhidmatan yang baik kepada warganya," katanya pada 3 Mei.

 **Air Selangor**  
PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD  
(201401006213)

### KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000014357	UPGRADING AND REPLACEMENT OF SLUICE VALVES, BUTTERFLY VALVES, ELECTRIC ACTUATORS, SCADA MONITORING SYSTEM AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT BUKIT MAYONG AND MATANG PAGAR BALANCING RESERVOIRS, SG. SELANGOR PHASE 2 WTP
2.	PN0000014289	REPLACEMENT OF RAW WATER SUBMERSIBLE PUMPS, UPGRADING OF SEDIMENTATION TANK, DESLUDGING SYSTEM AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT BERNAM RIVER HEADWORKS WTP
3.	PN0000014415	REFURBISHMENT OF 8 NOS. OF TREATED WATER PUMPS AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT SG. SEMENYIH WTP
4.	PN0000014456	UPGRADING OF RESIDUAL HOLDING TANK AND M&E ASSOCIATED WORKS FOR RESIDUAL TREATMENT FACILITY AT BUKIT NANAS WATER TREATMENT PLANT
5.	TBA	SUPPLY AND DELIVERY OF CHEMICALS TO SETIA ALAM CENTRAL WATER RECLAMATION PLANT (CWR)

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists>. Sertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan Air Selangor**. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan di laman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.

## Sedia gerakkan Skwad Pantas

**SHAH ALAM** - Seramai 65 ahli Skwad Pantas Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bersedia setiap masa berikutan keadaan cuaca tidak menentu ketika ini.

Datuk Bandar Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata mereka akan digerakkan apabila berlaku bencana seperti banjir, tanah runtuh atau pokok tumbang.

"Mereka sentiasa dalam keadaan sedia terutama ketika hujan. Jika berlaku perkara buruk mereka antara kumpulan awal ke lokasi," katanya pada 5 Mei.

Beliau berkata tiga lokasi kerap banjir iaitu di USJ 8, Kampung Tengah serta kawasan berhampiran pusat beli-belah IOI Mall.

## PKNS kekalkan harga jualan rumah

**GOMBAK** - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) tidak berhasrat menaikkan harga jualan rumah meskipun keuntungan berkurang berikutan peningkatan harga bahan binaan.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan Hartanah) Ir Md Kamarzan Md Rais berkata keputusan itu juga bagi memastikan rakyat yang mampu membeli rumah dibina perbadanan tersebut.



"Memang ada kesan daripada segi keuntungan (akibat kenaikan harga bahan binaan) tetapi kita cuba untuk kawal kenaikan harga dengan membeli barangan daripada anak syarikat secara pukal. "Kita juga minta anak syarikat kita Selangor Industrial Corporation (SIC) menjadi 'trading house' (rumah dagangan) untuk PKNS," katanya pada 7 Mei. Jabatan Perangkaan Malaysia se-

belum ini mendedahkan indeks harga seunit bagi bahan binaan seperti simen, besi dan kayu meningkat di seluruh negara bermula Februari lalu.

Menurut laporan tersebut, indeks harga seunit besi meningkat 1.5 peratus berbanding Januari 2023, seiring peningkatan harga bijih besi dan besi utama di peringkat global.

Indeks harga seunit simen pula naik 1.9 peratus, sementara indeks kos binaan (semua bar keluli) meningkat antara 0.3 dan 4.1 peratus. Peningkatan indeks tertinggi adalah cerucuk kayu.

## Bantu waris staf negeri

**KLANG** - Pejabat Kerajaan Negeri menyerahkan sumbangan RM3,000 kepada keluarga kakitangannya Allahyarham Mohd Shuhaimi Puteh yang meninggal dunia akibat sakit jantung pada 24 April.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) Mohamad Zahri Samingon berkata pemberian itu diharap dapat meringankan beban keluarga berkenaan.

"Saya mewakili Pejabat Kerajaan Negeri mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham. Kami turut menyampaikan wang sumbangan RM3,000 bagi meringankan sedikit beban," katanya pada 5 Mei.

Terdahulu, Mohamad Zahri bersama wakil Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Selangor menyantuni keluarga Allahyarham di rumah mereka di Taman Sri Menegon di sini.

Pengarah Perkeso negeri Ismail Abi Hashim turut menyerahkan Faedah Pengurusan Jenazah sebanyak RM2,000 dan faedah Pencen Penakat sebanyak RM567 sebulan kepada balu Allahyarham, Suraini Md Saad, 38.

Allahyarham Mohd Shuhaimi, 39, yang juga anak ketiga daripada enam beradik meninggal dunia selepas menerima rawatan selama lima hari di Hospital Shah Alam.

## Latih 948 anak yatim

**SHAH ALAM** - Seramai 948 anak yatim dari 25 rumah kebajikan milik Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) bakal mengikuti program latihan dan kemahiran di Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC).

Dato' Menteri Besar berkata seramai 30 anak yatim seliaan agensi sama mendapat tajaan bagi meningkatkan kemahiran masing-masing dalam pelbagai bidang.

"Ini merupakan langkah permulaan Kerajaan Negeri untuk anak-anak ini (anak yatim) belajar kemahiran di STDC dalam bidang elektrik, automatif, pendingin hawa dan sebagainya.

"Permulaan ini penting supaya me-

reka mempunyai kemahiran khusus yang mampu meningkatkan kebolehpasaran bekerja. Moga usaha ini membawa manfaat buat masa depan anak-anak ini," kata Dato' Seri Amirudin Shari di Facebook pada 6 Mei.

Pada Mac, Yide dan STDC menandatangani memorandum persefahaman (MoU) pelan pembangunan modal insan bagi menjamin kehidupan dan masa depan anak yatim selepas tidak lagi mendiami pusat kebajikan.

Kos pembelajaran dan kediaman asrama semua pelajar dibiayai Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) selain mereka diberi wang sara diri RM300 sebulan sepanjang tempoh pengajian.

## RM3.2 juta untuk asnaf

**SHAH ALAM** - Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengagih RM3.2 juta bagi menyediakan modal kepada asnaf untuk memulakan kehidupan lebih baik.

Agensi itu berkata bantuan kepada asnaf fakir, miskin dan muafiq itu menjadi sumber kewangan untuk golongan terbabit mencari inisiatif menjana pendapatan.

"Tidak selamanya asnaf ingin duduk dalam kelompok kemiskinan. Dengan

perkongsian anda melalui zakat, LZS mengagihkan duit itu untuk mengembangkan pendapatan.

"Ekosistem zakat yang sebenar bukan membiarkan mereka bergantung kepada LZS tetapi beri mereka cara memulakan nafas baru dan berusaha keluar dari golongan asnaf," katanya di Facebook pada 5 Mei.

Sebanyak RM30 juta diagih kepada 64,819 asnaf tahun ini.



### LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

#### KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/ CIDB) dan Kerajaan Negeri Selangor dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Lawatan Tapak	Penjualan Dokumen	Waktu & Tarikh Tutup
<p><b>1. KERJA - KERJA PENGANTIAN BUMBUNG LAMA KEPADA BAHARU DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI BAWAH PROJEK UPEN DI BLOK A &amp; C, PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) KOTA DAMANSARA, JALAN PEKAKA 8/1, KOTA DAMANSARA, SEKSYEN 8, PETALING JAYA, SELANGOR.</b></p> <p>No. Tender: LPHS/T/K/23/05 No. Fail: LPHS.UPA.400-5/10/28</p>	<p>Kontraktor Berdaftar dengan CIDB Gred: G4 Kategori: B Pengkhususan: B15 (Kerja Pemasangan Bumbung)</p> <p>Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)</p> <p>Dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor</p>	<p>RM150.00</p> <p>Pembayaran Secara Online (FPX) Melalui Sistem Tender Selangor</p>	<p>Tarikh: Selasa 16 Mei 2023 Masa: 11.00 Pagi</p> <p>Tempat: Pejabat Blok C, PPR Kota Damansara, Petaling Jaya.</p> <p>Kehadiran Taklimat adalah Wajib</p> <p>(Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil)</p>	<p>Bermula 17 Mei 2023 sehingga 13 Jun 2023</p>	<p>14 Jun 2023 (Rabu) Jam 12.00 tengah hari</p>
<p><b>2. KERJA-KERJA PENGANTIAN BUMBUNG LAMA KEPADA BAHARU DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI BAWAH PROJEK UPEN DI PANGSAPURI SRI KIAMBANG, TAMAN TASIK TERATAI, SERENDAH, SELANGOR.</b></p> <p>No. Tender: LPHS/T/K/23/06 No. Fail: LPHS.UPA.400-5/10/29</p>	<p>Kontraktor Berdaftar Di Negeri Selangor Dan Berdaftar dengan CIDB Gred: G3 Kategori: B Pengkhususan: B15 (Kerja Pemasangan Bumbung)</p> <p>Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)</p> <p>Dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor</p>	<p>(Dokumen hanya akan dijual kepada syarikat yang hadir Lawatan Tapak)</p>	<p>Tarikh: Rabu 17 Mei 2023 Masa: 11.00 Pagi</p> <p>Tempat: Pejabat Pengurusan Pangsapuri Sri Kiambang, Taman Tasik Teratai, Serendah</p> <p>Kehadiran Taklimat adalah Wajib</p> <p>(Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil)</p>	<p>Bermula 18 Mei 2023 sehingga 13 Jun 2023</p>	<p>14 Jun 2023 (Rabu) Jam 12.00 tengah hari</p>

Dokumen Meja Tender boleh disemak bermula pada 12 Mei 2023 (Jumaat) pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) - Bahagian Khidmat Pengurusan. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi 016 - 330 1330 (Unit Perolehan Dan Aset).

Dokumen Tender hanya akan dijual kepada Syarikat yang hadir Lawatan Tapak melalui Sistem Tender Selangor iaitu di <https://tender.selangor.gov.my>.

Lawatan Tapak hanya boleh dihadiri oleh penama yang dinamakan di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)/Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja. Untuk maksud ini, penama tersebut hendaklah membawa dokumen asal Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan salinan Pengesahan Pendaftaran dengan UPEN serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen Tender. SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT.

Dokumen Tender hendaklah diserahkan secara Hardcopy yang telah lengkap diisi dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang menyatakan tajuk kerja serta nombor Tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti waktu dan tarikh yang ditetapkan diatas kepada:

**PENGAH EKSEKUTIF**  
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor  
Tingkat 5, Podium Utara,  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
No Tel: 03-5544 7537, No Faks: 03-5513 5568

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran Tender.

Sebarang pindaan kepada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan di dalam iklan ini adalah tertakluk kepada penetapan tarikh sebarang peristiwa yang ditentukan oleh pihak Kerajaan Malaysia.

Kenyataan Tender ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor iaitu <http://lphs.selangor.gov.my> atau Sistem Tender Selangor <https://tender.selangor.gov.my>.



**BANGGA...** Pelumba muda negara Hakim Danish Ramli (kanan) tempat ketiga perlumbaan Pusingan 1 Kejuaraan European Talent Cup (ETC) 2023 di Litar Estoril, Portugal pada 7 Mei. Perlumbaan seterusnya di Litar Ricardo Tormo, Sepanyol pada 21 Mei. Foto Facebook ZK Racing

Terus buru pingat di Kemboja

# Lepasi separuh sasaran emas

Oleh **AFIX REDZUAN**

**SHAH ALAM** - Kontinjen negara meraih 21 daripada 40 pingat emas yang disasar dalam temasya Sukan SEA Kemboja 2023 di Phnom Phen setakat 7 malam pada 10 Mei.

Skuad karate cemerlang mengutip 10 pingat keseluruhan dengan empat emas disumbang Prem Kumar Selvam dan C Shamalarani masing-masing dalam acara kumite pada 6 Mei diikuti S Hari Sankar dan R Sharmendran pada 7 Mei selain dua perak dan lima gangsa.

Silat yang mengumpul sembilan pingat turut menyumbang empat emas menerusi kemenangan awal pa-

sangan kembar Muhammad Danial Azray dan Muhammad Danial Azrol pada 7 Mei diikuti kejayaan tiga lagi atlet Norsyahirah Muksin, Nor Farah Mazlan dan Muhammad Izzul Irfan.

Olahraga turut berjaya mengutip tiga emas menerusi Grace Wong Xiu Mei dalam acara baling tukul besi pada 8 Mei diikuti kemenangan bergaya dua pelari 400 meter (m) negara Umar Osman dan Shereen Samson Vallabouy pada 9 Mei.

Acara terjun turut melakar tiga kejuaraan yang diraih Muhammad Syafiq Puteh (tiga meter papan anjal lelaki), Kimberly Bong Qian Ping (tiga meter papan anjal individu wanita) dan Lee Yiat Qing (10m platform wanita).

Penguasaan negara diteruskan kon-

tinjen sukan air yang menepati sasaran dua emas menerusi Muhammad Hafiz Mansor dalam acara Windsurfing RSX dan Izry Hafiezy Fitri Azri menerusi kelas RS: One.

Tekanan buat kontinjen renang negara sedikit reda berikutan kejayaan Khiew Hoe Yean memenangi emas pertama dalam acara 200m gaya bebas lelaki pada 9 Mei.

Pemain snuker negara Moh Keen Hoo tidak melepaskan peluang meraih emas selepas menewaskan atlet Laos Sittithideth Sabieng 5-3 dalam acara 6-Red perseorangan lelaki pada 9 Mei.

Malaysia turut meraih emas yang disumbang atlet petanque Saiful Bahri, Ng Jing Xuen (golf wanita) dan ratu wushu negara Tan Cheong Min.

## Terus tumpu buru kemenangan

**SHAH ALAM** - Prestasi dan corak permainan pemain Selangor FC dalam kejohanan Liga Super musim ini lebih berkualiti berbanding musim lalu, kata ketua pegawai eksekutifnya.

Bagaimanapun, Dr Johan Kamal mengingatkan pemain supaya tidak lalai dan terus berusaha memburu kejayaan hingga mencapai kedudukan tertinggi berikutan perjalanan liga masih panjang.

"Buat masa ini, kita nampak ada peningkatan. Kita gembira berbanding musim lalu, namun perlu terus baiki kelemahan dan tingkatkan prestasi supaya dapat habiskan musim ini dengan cemerlang.

"Pemain perlu komited supaya kutipan mata tidak jatuh seperti lawan Sabah (tewas 2-1). Teruskan momentum kemenangan untuk perlawanan akan datang," katanya pada 8 Mei.

Berhubung jendela perpindahan kedua yang dibuka Julai nanti, Johan berkata beberapa pemain baharu mungkin dibawa masuk bagi menguatkan lagi pasukan kendaliannya.

"Sekarang kita fokus pemain yang ada sebab berbaki beberapa perlawanan lagi. Tiba masa kita akan pertimbangkan bawa masuk lagi pemain. Sekarang kita nilai pemain yang ada," katanya.

## Pemain meriahkan rumah terbuka

**SHAH ALAM** - Kehadiran beberapa pemain Selangor FC antaranya ketua pasukan Brendan Gan dan Faisal Halim memeriahkan sambutan rumah terbuka Aidilfitri agensi bawah kepimpinan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah pada 8 Mei.

Ketua pegawai eksekutif Selangor Youth Community (SAY) berkata majlis itu acara tahunan pihaknya bersama Selangor FC, Persatuan Bolasepak Selangor serta Yayasan Raja Muda Selangor.

"Hari ini kita jemput 800 tetamu terdiri dari penaja utama, pemain, wakil agensi, pejabat daerah, pihak berkuasa tempatan selain pelajar tajaan SAY.

"Semua agensi bawah kepimpinan Tengku Amir sentiasa bekerjasama menjayakan sebarang aktiviti berkait masyarakat," kata Nurul Azwa Mohd Rodzi.

## Insentif khas atlet raih emas

**SHAH ALAM** - Atlet Selangor yang bertanding dalam Sukan SEA Kemboja di Phnom Penh diharap membawa pulang pingat sekali gus mengharumkan nama negeri dan negara.

EXCO Sukan Mohd Khairuddin Othman berkata Kerajaan Negeri menyediakan insentif khas kepada atlet negeri itu yang menyumbang pingat kepada negara.

"Kalau dapat pingat, Kerajaan Negeri memang ada sediakan insentif dan untuk atlet paralimpik kita berikan insentif RM10,000.

"Saya harap atlet Selangor yang mewakili negara buat yang terbaik dan Kerajaan Negeri tidak akan hampakan mereka, asalkan bawa balik pingat pada kita," katanya pada 6 Mei.


## Sharmendran cipta rekod baharu

**SHAH ALAM** - Atlet karate negara R Sharmendran meraih emas keempat sepanjang menyertai Sukan SEA sejak 2017 selepas mengungguli kategori kumite bawah 75 kilogram lelaki pada 7 Mei.

Kejayaan menewaskan atlet tuan rumah Sot Panith 6-5 di pentas akhir mengatasi pencapaian jurulatih negara R Puvaneswaran yang memenangi tiga emas antara 2005 sehingga 2009.

"Apabila mata terikat 5-5, saya cuba bertenang dan pada 30 saat terakhir sangat sengit. Saya rasa inilah saingan paling sukar sepanjang beraksi di Sukan SEA.

"Sukan SEA kali ini amat bermakna kepada saya. Saya gembira kerana melakar rekod baharu dan menjadi pembawa Jalur Gemilang untuk kontinjen negara," katanya seperti dilapor Berita Harian.



**RODZIAH ISMAIL**  
Batu Tiga

menyerahkan sumbangan kepada persatuan penduduk di Seksyen 24, Shah Alam



**SANY HAMZAN**  
Taman Templer

memberi sumbangan raya kepada petugas kesihatan di Hospital Selayang, Gombak



**MICHELLE NG MEI SZE**  
Subang Jaya

melawat program derma darah di SS15 Courtyard, Subang Jaya



**DR IDRIS AHMAD**  
Ijok

menyampaikan hadiah cabutan bertuah di Batang Berjantai, Kuala Selangor



**SHAMSUDIN LIAS**  
Sungai Burong

membuat persiapan majlis kenduri rakyat bersama penduduk di DUN beliau



**AZMIZAM ZAMAN HURI**  
Pelabuhan Klang

memeriahkan rumah terbuka di Kampung Sungai Kembang, Klang



**WONG SIEW KI**  
Balakong

meninjau program jualan murah di Taman Tun Perak, Hulu Langat



**ROSNI SOHAR**  
Hulu Bernam

membantu petugas Jelajah Ehsan Rakyat di Kampung Gesir, Hulu Selangor

## Penduduk B40 terima sayur percuma

**SHAH ALAM** - Lebih satu tan sayur pelbagai jenis diagih kepada penduduk sekitar Puchong sekali gus menggalakkan pengambilan makanan berkhasiat dalam kalangan masyarakat.

Ahli Dewan Negeri Kinrara Ng Sze Han berkata agihan pada 2 Mei itu memanfaatkan lebih 200 penduduk di beberapa kawasan termasuk di



pangsapuri kos rendah.

"Sayuran yang diagih termasuk bendi, sawi, kangkung, timun, peria, tomato, kacang buncis, cili dan kacang panjang.

"Ia sumbangan daripada badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak korporat. Sebelum ini mereka memohon untuk menyumbang makanan dan bantuan kepada golongan memerlukan jadi kita di pihak Dewan Un-

dangan Negeri Kinrara membantu dari segi pengagihan," katanya pada 3 Mei.

Sze Han berkata pihaknya sentiasa mengalu-alukan mana-mana pihak yang ingin menyalurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

"Pusat Khidmat Masyarakat DUN Kinrara sentiasa menyokong usaha seperti ini dan bersedia membantu mengagihkan sumbangan kepada golongan memerlukan," katanya.

## 3,000 meriahkan rumah terbuka

**SUBANG JAYA** - Sambutan rumah terbuka peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Serdang pada 4 Mei meriah dengan kehadiran lebih 3,000 tetamu pelbagai kaum.

Wakil rakyatnya berkata ada pelbagai aktiviti menarik antaranya pemberian duit raya kepada lebih 500 kanak-kanak serta 75 cabutan bertuah melibatkan hamper dan barangan elektrik.

"Tetamu turut dihiburkan dengan persembahan nyanyian. Paling menarik kita sediakan 28 gerai makanan dan semuanya menyajikan juadah enak.

"Antaranya nasi tomato, mi rebus, sate dan makanan tradisi raya seperti lemang, ketupat dan rendang. Menu terkenal Kelantan iaitu sate ikan (lokcing) dan aiskrim Malaysia turut dijamu," kata Dr Siti Mariah Mahmud.

## Atasi sesak sekitar rumah ibadat

**SUBANG JAYA** - Sunway Group menyumbang RM7 juta bagi pembinaan jalan lingkar di Jalan Kewajipan di sini untuk menyuraikan aliran trafik yang berlaku lebih 10 tahun lalu.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Subang Jaya Michelle Ng Mei Sze berkata laluan berdekatan tiga rumah ibadat di kawasan itu juga bakal memberi keselesaan kepada penganut agama masing-masing.

"Di sini kita ada bangunan Persatuan Penganut Agama Buddha Subang Jaya, Kuil Sri Varatharaja Perumal dan Gudwara Sahib Subang. Ketiga-tiganya terletak bersebelahan sahaja.

"Jadi apabila musim perayaan atau festival, kawasan ini akan menjadi sesak kerana setiap rumah ibadat masing-masing mempunyai 10,000 penganut yang datang," katanya pada 4 Mei.

## Bakul Rahmah untuk warga emas

**SHAH ALAM** - Lebih 18 warga emas dan mualaf menerima Bakul Rahmah berisi makanan asas sempena program ziarah raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Kelang pada 4 Mei.

Pegawai khas wakil rakyat berkata bantuan yang dihulur ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya Zon 3 bertujuan menyantuni golongan itu sempena Aidilfitri.

"Masih dalam suasana hari raya, kita mahu menyantuni mereka (warga emas) ini dan juga mualaf terutama dari bangsa lain.

"Ada dalam kalangan mereka ini tinggal sebatang kara, ada juga yang bersendirian menyambut hari raya tanpa keluarga, kita tidak mahu kumpulan ini berasa tersisih lebih-lebih lagi ketika umat Islam merayakan hari kebesaran ini," kata Anfaal Saari.

## Manfaat penduduk empat kampung

# Belanja RM400,000 bina dewan komuniti

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

**KUALA SELANGOR** - Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Melawati membelanjakan kira-kira RM400,000 bagi pembinaan dewan komuniti Selangor Penyayang di Kampung Kuantan, di sini.

Wakil rakyatnya Juwairiya Zulkifli berkata projek itu memanfaatkan penduduk di empat kampung kawasan berkenaan khususnya di Mukim Pasangan.

"Setakat ini, saya memilih satu kawasan iaitu di Kampung Kuantan untuk pembinaan dewan komuniti Selangor Penyayang. (Pembinaan) Mungkin akan

ambil sedikit masa tetapi ia projek berdampak tinggi.

"Kawasan ini masih tiada kemudahan dewan komuniti dan kini semuanya dalam proses pelaksanaan dan mengambil sedikit masa. Diharapkan projek infrastruktur ini dapat siap sebelum Julai," katanya.

Terdahulu, beliau bersama Timbalan Menteri Belia dan Sukan Adam Adli Abdul Halim melepaskan kira-kira 1,300 peserta larian Bukit Melawati Lebarun di Dataran Malawati di sini pada 6 Mei.

Juwairiya berkata program itu antara



lain bertujuan mempromosi tarikan pelancongan kawasan sekitar.

"Salah satu objektif adalah menggalakkan pelancongan di Kuala Selangor khususnya bawah DUN Bukit Melawati kerana di sini terdapat banyak 'hot spot' pelancongan.

"Dalam laluan larian sejauh lima dan 10 kilometer itu peserta akan melalui tempat tarikan pelancongan malah perlu lalu dan naik ke Bukit Malawati yang mana di situ ada Taman Alam Kuala Selangor dan rumah api selain tapak pelepasan di Dataran Malawati," katanya.

## Naik taraf mudahkan ibadah OKU

**PETALING JAYA** - Kemudahan di Masjid Kampung Tunku selesai dinaik taraf bagi memenuhi keperluan jemaah wanita khususnya warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Wakil rakyat Lim Yi Wei berkata pembaikan meliputi tempat wuduk muslimah dan sengkup hias



(awning) dengan dana diluluskan mantan Ahli Parlimen Damansara Tony Pua.

"Sebanyak RM29,800 diperuntuk bagi penyelenggaraan tersebut. Daripada jumlah itu, RM21,800 digunakan untuk menaik taraf tempat wuduk muslimah.

"Baki pula bagi penyelenggaraan

bumbung, namun pihak masjid turut tanggung sedikit kos projek sebagai komitmen terhadap keperluan jemaah," katanya pada 2 Mei.

Beliau menambah pihaknya menjadi pemudah cara antara pengurusan masjid dengan pejabat ahli parlimen Damansara bagi memastikan usaha menaik taraf kemudahan di masjid itu tercapai.

### AHLI DEWAN NEGERI MORIB

## HASNUL BAHARUDDIN

- **Umur:** 56 tahun
- **Falsafah hidup:** Setiap keikhlasan akan datang kebaikan
- **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:** Ahli farmasi

- **Alamat pejabat ADN:** No.78A, Jalan Bunga Pekan, 42700 Banting
- **Nombor telefon ADN:** 03-3181 4263
- **Facebook:** Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib - YB Hasnul
- **E-mel:** hasnul.baharuddin@selangor.gov.my





# selangorkini

Raya ubati duka mangsa serangan

10

Lakonan artis popular promosi kebajikan

14

## Ulangan drama Selalu Ada 13 Mei

**SHAH ALAM** - Drama Selalu Ada yang menekankan mesej kekeluargaan dan pelbagai bentuk bantuan disediakan pentadbiran negeri akan ditayangkan semula jam 9 malam di saluran TV2 pada 13 Mei.

Karya terbitan Kerajaan Selangor arahan Che Mie yang menampilkan barisan pelakon popular seperti Erra Fazira dan Sophia Albarakbah turut ditayangkan di Youtube SelangorTV jam 9 malam pada 15 Mei.

Drama 45 minit tersebut turut dibintangi Syafie Naswip, Datuk Jalaluddin Hassan, dan Kazar Saisi selain kemunculan khas Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari sebagai penjual daging.

Sebelum ini, EXCO Kebudayaan Borhan Aman Shah memaklumkan karya tersebut menerangkan secara umum beberapa inisiatif negeri yang memanfaatkan rakyat bermula daripada bayi.

## Mohon bantuan ANIS mulai 15 Mei

**SHAH ALAM** - Ibu bapa yang mempunyai anak kelainan upaya (OKU) berusia 18 tahun ke bawah dipelawa memohon bantuan khas Anak Istimewa Selangor (ANIS).

Insentif sekali bayar maksimum sehingga RM5,000 untuk satu keluarga melibatkan bantuan makanan, pembelian alatan serta ubat dibuka mulai 15 hingga 26 Mei.

Turut ditawarkan subsidi yuran pendidikan meliputi terapi atau kelas khas kepada mereka yang layak berdasarkan ketetapan doktor sahaja.

Permohonan di pautan [www.anisselangor.com](http://www.anisselangor.com) hendaklah dicetak dan dihantar bersama dokumen sokongan.

Tarikh akhir penghantaran borang permohonan pada 5.30 petang 30 Mei (Selasa) di ibu pejabat Yayasan Warisan Warisan Anak Selangor (Yawas).

**MENANG...**  
**Aksi pelari negara Umar Osman (tengah) yang berjaya meraih pingat emas dan memecah rekod kebangsaan 46.34 saat dalam acara akhir 400 meter lelaki Sukan SEA Kemboja 2023 di Stadium Nasional Morodok Techo, Phnom Penh pada 9 Mei.**  
**Foto BERNAMA**

► BERITA MUKA 21



## Isteri harap tangkis tanggapan negatif

# Liku derita Anwar

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui perasaannya tersentuh ketika menonton filem Anwar: The Untold Story yang mengangkat kisah perjuangan politik beliau.

Presiden Parti Keadilan Rakyat mengakui isu yang dibawa dalam naskah berkenaan kejadian sebenar walaupun dialog dan penceritaan tidak 100 peratus sama, lapor Bernama.

"Saya sukar mengulas kerana ada episod yang telah kita lupakan kerana sakit dan menyedihkan. Banyak beban tertanggung adalah Azizah, anak-anak dan rakan-rakan," katanya.

Beliau menghadiri tayangan perdana di Pavillion Bukit Bintang, Kuala Lumpur

pada 8 Mei. Turut sama, isterinya Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, pengarah filem Viva Westi dan pelakon utama Farid Kamil Zahari.

Berpuas hati lakonan Farid Kamil yang membawa watak beliau, Anwar juga memuji sutradara dari Indonesia itu kerana mampu mengolah penceritaan 25 tahun kepada filem kira-kira 90 minit.

"Peristiwa puluhan tahun untuk disingkatkan, itu sudah tentu tidak mudah, malah sinematografi filem ini juga sangat baik," katanya.

Anwar juga berminat mendengar runut bunyi filem berkenaan berjudul Menjaga Cintamu nyanyian Datuk Seri Siti Nurhaliza Tarudin yang tidak diperdengar pada sesi tayangan tersebut.

Dr Wan Azizah pula berharap filem yang bakal ditayang di pawagam seluruh negara mulai 18 Mei bakal menangkis semua tanggapan negatif yang pernah dilempar terhadap Anwar.

Filem berlatar antara 1993 dan 1998 itu menceritakan perjalanan hidup Anwar sebagai timbalan perdana menteri dan menteri kewangan serta perjuangannya dalam menentang amalan rasuah.

Karya tersebut yang menelan kos RM10 juta dan menjalani penggambaran di Indonesia turut dibintangi aktris terkenal republik itu Acha Septriasa yang memegang watak Dr Wan Azizah.

► ULASAN FILEM MUKA 16

## Rumah Terbuka

# Jolajah #KitaSelangor

1444H / 2023M **Aidilfitri**

[www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my)

DAERAH SABAK BERNAM

📅 **Jumaat | 12 Mei 2023**  
8.00 Malam - 11.00 Malam

📍 **Dataran Tanah Lesen Parit Baru**

DAERAH KUALA SELANGOR

📅 **Sabtu | 13 Mei 2023**  
8.00 Malam - 11.00 Malam

📍 **Padang Awam Bukit Badong**